

RAHSIA

DRAF UCAPAN BELANJAWAN JOHOR 2020

TEMA:

MEMAKMUR DAN MENSEJAHTERA JOHOR BESTARI

OLEH :

YAB DATO' DR. SAHRUDDIN BIN HAJI JAMAL

MENTERI BESAR JOHOR

**MESYUARAT KETIGA (BELANJAWAN 2020) BAGI PENGGAL
PERSIDANGAN KEDUA DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-14**

21 NOVEMBER 2019 / 24 RABIUL AWAL 1441 H

Bismillahirrahmanirrahim

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera.*

Yang Berhormat Tuan Speaker,

MUKADIMAH

1. Saya mulakan pembentangan ini dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillah Rabbil A'lamين Wabihi Nasta'in*. Segala puji serta kalimah tasbih dipanjatkan ke hadrat Allah SWT di atas limpah kurnia-Nya yang menghimpunkan kita pada pagi Khamis, 21 haribulan November 2019 bersamaan 24 Rabiul Awal 1441 Hijrah yang mulia ini, bagi maksud pembentangan sebuah lagi dokumen besar negeri iaitu Belanjawan Johor 2020.
2. Bersempena sambutan Maulidur Rasul 1441 Hijrah, saya ingin mengajak seluruh Ahli Dewan untuk memperbanyakkan selawat dan salam buat Junjungan Besar, Nabi Muhammad SAW. Pada masa yang sama, marilah kita memperbanyakkan amalan sunnah Rasulullah SAW. Sesungguhnya Allah SWT telah mengutuskan Baginda sebagai pembawa rahmat ke seluruh alam.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

3. Izinkan saya membacakan maksud firman Allah dalam Surah Al-Nahl ayat ke-90 yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah menyuruh (kamu) berlaku adil (saksama), berbuat kebajikan dan memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan Allah melarang (kamu) daripada melakukan kemungkaran, permusuhan dan kezaliman. Dia memberi pengajaran kepadamu agar kamu dapat mengambil pelajaran (iktibar) ”.

4. Ayat suci ini menerangkan bahawa Allah SWT memerintahkan hamba-hamba-Nya untuk berlaku adil dalam sikap, ucapan dan tindakan walaupun terhadap dirinya sendiri dan menganjurkan berbuat ihsan serta juga memberikan apa jua yang diperlukan oleh sesuatu kaum.
5. Pada awal mukadimah ini juga, saya ingin mengambil kesempatan untuk berpesan-pesan bahawa tanggungjawab menjadi pemimpin amatlah berat. Justeru, saya ingin menyampaikan pesanan untuk diri saya dan pemimpin-pemimpin dalam kalangan kita sebagaimana yang pernah diungkapkan oleh Allahyarham Dr. Tenas Effendy iaitu seorang pemikir Melayu dari Riau-Lingga. Menurutnyanya:

Berpegang teguh ke tali Allah
Beriman kukuh tiada menyalah
Memegang syarak mengikuti sunnah
Beramal ikhlas kerana Allah.

**Amanah dipegang sepenuh hati
Sumpah ditunaikan janji ditepati
Kepada umatnya dia mengabdikan
Membela umatnya berani mati.**

Yang Berhormat Tuan Speaker,

6. Pada kesempatan ini, saya menjunjung setinggi-tinggi kasih atas limpah perkenan Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Ibrahim Ibn Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim yang telah **memberi perkenan melantik saya sebagai Menteri Besar Johor ke-17** berkuatkuasa pada 14 April 2019 yang lalu. Dengan berkat daulat, nasihat, bimbingan dan tunjuk ajar Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Tuanku, patik berserta barisan kepimpinan kerajaan negeri dengan dokongan kuat kakitangan Perkhidmatan Awam Negeri Johor dan rakyat secara keseluruhan akan memastikan pentadbiran kerajaan negeri berjalan dengan cekap, lancar dan berintegriti demi memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada seluruh Bangsa Johor.

7. Bersempena dengan **Ulang Tahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Ibrahim Ibn Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Yang DiPertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim** pada hari esok 22 November 2019, patik bagi pihak kerajaan negeri dan seluruh rakyat merafak sembah mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan berdoa semoga Allah SWT melanjutkan usia Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Tuanku dan sentiasa berada dalam keadaan sihat

walafiat, sejahtera, bahagia, dirahmati dan diberkati untuk terus menaungi sekalian rakyat dengan adil dan saksama.

8. Saya bersama seluruh Ahli Dewan yang mulia ini juga ingin menzahirkan rasa gembira, bangga dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas kejayaan **pasukan Johor Darul Ta'zim (JDT) menjuarai Piala Malaysia** pada 2 November 2019 di Stadium Nasional Bukit Jalil, Kuala Lumpur. Selain itu, pasukan JDT juga telah berjaya mendominasi Liga Super Malaysia dengan melakukan 'double hatrick' (dengan izin) untuk kekal unggul menjadi **juara Liga Super buat enam (6) tahun berturut-turut sejak tahun 2014**. Sehubungan itu, Dewan Negeri Johor merafak sembah ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada **Duli Yang Amat Mulia (DYAM) Tunku Mahkota Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Pemangku Raja** selaku pencetus revolusi bola sepak Negeri Johor. Setinggi-tinggi tahniah juga kepada seluruh pemain, barisan kejurulatihan serta pihak pengurusan yang telah membawa kejayaan yang cemerlang dan mengharumkan nama Negeri Johor. Mudah-mudahan kejayaan ini memberi inspirasi kepada kami untuk membawa Negeri Johor ke tahap yang lebih gemilang, Insya-Allah.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

9. Izinkan saya membentangkan kepada Dewan yang mulia ini, cadangan Belanjawan Negeri Johor bagi tahun 2020.

10. Saya menzahirkan rasa syukur kerana ini merupakan ucapan sulung belanjawan negeri yang telah diamanahkan kepada saya sebagai Menteri Besar dan merupakan kali kedua di bawah Kerajaan Pakatan Harapan Johor. Pembentangan belanjawan ini bagi memastikan Negeri Johor terus membangun sebagai sebuah negeri yang maju dan mampan bagi mensejahterakan rakyat Johor.
11. Selain itu, saya bagi pihak Kerajaan Negeri Johor mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Haji Osman bin Haji Sopian, Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Kempas selaku mantan Menteri Besar Johor yang telah meletakkan asas yang kukuh terhadap kepimpinan kerajaan negeri mulai 12 Mei 2018 yang lalu.
12. Semoga kita semua beroleh kesihatan baik yang berpanjangan, dikurniakan kekuatan dan berdaya iltizam untuk terus cekal bermuafakat memikul amanah demi membela rakyat serta terus memakmurkan Negeri Johor.
13. Belanjawan Johor 2020 ini dirangka sebagai sebahagian daripada usaha pembangunan Negeri Johor yang holistik dan inklusif seiring dengan strategi yang digariskan di bawah **Pelan Pembangunan Mampan Negeri Johor 2019-2030** yang kini sudahpun di peringkat akhir penyediaannya.
14. Pelan ini dirangka secara komprehensif, dinamik dan berdaya saing untuk melahirkan Bangsa Johor bestari dan mencapai matlamat menjadikan Johor sebuah negeri yang maju dan berprestasi tinggi.

15. **Pelan Pembangunan Mampan Negeri Johor** ini juga selari dengan **Wawasan Kemakmuran Bersama 2021-2030** yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia pada 5 Oktober 2019 yang lalu. Pelan ini bukan sahaja memberi fokus kepada pertumbuhan ekonomi yang komprehensif, tetapi menumpukan kepada pembangunan modal insan dan tadbir urus yang cekap.

16. Hubungan dan sinergi yang mantap serta kerjasama erat antara kerajaan negeri dengan kerajaan persekutuan dapat dilihat melalui pelaksanaan dasar-dasar yang dirancang demi kesejahteraan rakyat dan pembangunan negara. Alhamdulillah, pada tahun 2019, kerajaan negeri bersama kerajaan persekutuan telah berjaya mengadakan sesi pertemuan bagi membincangkan hala tuju pembangunan negeri antaranya **Sesi Pemukiman Kerajaan Negeri Johor Bersama Kepimpinan Kerajaan Persekutuan** pada awal tahun ini, dan **sesi libat urus Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12)** ketika bulan Julai 2019.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

17. Dasar yang menyeluruh, inklusif, seimbang dan adil akan tetap kerajaan negeri teruskan. Malah kerajaan negeri akan memberi tumpuan kepada kualiti dan kesejahteraan hidup rakyat dari segi menyediakan persekitaran yang lebih kondusif dan stabil. Oleh itu, satu permuafakatan telah diambil bagi menjenamakan Belanjawan Johor 2020 ini dengan tema **“MEMAKMUR DAN MENSEJAHTERA JOHOR BESTARI”**.

Tema ini amat signifikan untuk menggerakkan segala usaha ke arah memacu Johor yang lebih gemilang menuju ke tahun 2030.

18. Kita amat bersyukur kerana segala perancangan yang direncanakan, telah dan sedang diterjemahkan dalam bentuk pelaksanaan bagi manfaat seluruh rakyat Johor. Dalam Belanjawan Johor 2019, sebanyak 207 titik fokus telah dibentangkan untuk dilaksanakan. Sehingga 15 November 2019, sebanyak 194 titik fokus telah dilaksanakan, manakala baki sebanyak 13 titik fokus di dalam tindakan awal pelaksanaan.
19. Di dalam Belanjawan Johor 2020, kerajaan negeri telah menyenaraikan sebanyak **183 titik fokus** untuk dilaksanakan. Rasional penurunan jumlah titik fokus pada tahun 2020 adalah disebabkan kerajaan negeri kini lebih memberi tumpuan kepada sektor-sektor tertentu yang menjurus kepada aspek kesejahteraan rakyat dan pertumbuhan ekonomi.
20. Pembentangan Belanjawan Johor 2020 pada kali ini merupakan pembentangan tahun terakhir **Rancangan Johor Lima Tahun (RJ5T) dan Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11)**. Namun, suka saya tegaskan bahawa ia adalah penerusan kepada pembangunan Negeri Johor yang lebih gemilang pada dekad yang akan datang.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

21. Alhamdulillah, tahun ini merupakan tahun kedua kerajaan negeri di bawah pentadbiran Pakatan Harapan memberi khidmat dan menyumbang bakti kepada Bangsa Johor bestari. Saya akui bahawa banyak lagi perkara yang perlu kami pelajari, rancang dan laksanakan. Hari demi hari, saya

dan barisan kepimpinan terus berusaha dengan gigih merangka dasar dan inisiatif yang memanfaatkan rakyat dan membangunkan Negeri Johor.

22. Saya juga ingin menarik perhatian seluruh Ahli Dewan yang mulia ini bahawa tahun 2020 merupakan tahun yang istimewa bagi Negeri Johor kerana dua (2) acara besar akan berlangsung iaitu **Tahun Melawat Johor 2020** dan **Sukan Malaysia (SUKMA) ke-20**.
23. Dua (2) acara besar ini dijangka akan menarik kehadiran ramai pelancong dari dalam mahupun luar negara selain menghasilkan impak tinggi terhadap rantaian ekonomi khususnya dalam sektor keusahawanan, pengangkutan dan hospitaliti.
24. Oleh itu, kerajaan negeri beriltizam untuk menjadikan penganjuran kedua-dua acara ini adalah yang terbaik dalam sejarah penganjurannya. Insya-Allah.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

TERAS STRATEGIK BELANJAWAN JOHOR 2020

25. Saya bagi pihak kerajaan negeri ingin mengucapkan terima kasih khususnya kepada kerajaan persekutuan atas pembentangan Belanjawan 2020 pada 11 Oktober 2019. Secara keseluruhannya, kerajaan persekutuan memperuntukkan siling sebanyak **RM2.137 bilion** kepada Negeri Johor pada tahun 2020 di mana sebanyak **RM46.94 juta** diperuntukkan untuk pembangunan projek baharu yang melibatkan sejumlah 46 projek, manakala sejumlah 379 projek merupakan projek

sambungan dengan peruntukan sebanyak **RM2.09 bilion**. Secara jelas, belanjawan ini lebih tertumpu kepada mengagihkan kekayaan yang dihasilkan dengan lebih menyeluruh di samping meningkatkan pendapatan dan mengurangkan jurang ekonomi di kalangan rakyat.

26. Dalam setiap perancangan kerajaan negeri, saya sering menekankan tentang betapa perlunya untuk mendapatkan pandangan dan maklum balas daripada semua pihak berkepentingan dan rakyat secara keseluruhannya. Bagi tujuan penyediaan Belanjawan Johor 2020 ini, kerajaan negeri telah menerima **sebanyak 5,379 input daripada 2,565 maklum balas rakyat** menerusi soal selidik yang dijalankan antara 1 hingga 30 September 2019. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, penyediaan dan pembentangan Belanjawan Johor 2020 ini adalah bertunjangkan falsafah **“Dari Rakyat, Untuk Rakyat, Kepada Rakyat”**. Kita juga berharap agar Belanjawan Johor 2020 ini dapat dijayakan dengan adil, saksama dan inklusif dengan berpaksikan slogan **“Muafakat itu Berkat”**.
27. Berdasarkan dapatan kajian yang diterima, terdapat beberapa perkara yang menjadi perhatian dan keutamaan kerajaan negeri. Antaranya:
- i. Menangani kos sara hidup.
 - ii. Memperkasa kualiti pendidikan.
 - iii. Menambah peluang pekerjaan.
 - iv. Menambahbaik infrastruktur dan prasarana awam.
 - v. Mengurus alam sekitar yang lestari.
 - vi. Menambahbaik tadbir urus kerajaan yang cekap dan berintegriti.

28. Justeru, dalam merangka Belanjawan Johor 2020 ini, kerajaan negeri telah menggariskan enam (6) teras strategik bagi memacu pembangunan Negeri Johor sebagaimana berikut:

- TERAS PERTAMA : MENSEJAHTERA RAKYAT**
- TERAS KEDUA : MEMAKMUR EKONOMI**
- TERAS KETIGA : MELESTARI ALAM SEKITAR**
- TERAS KEEMPAT : MEMBANGUN MODAL INSAN
DAN MEMPERKASA SYIAR
ISLAM**
- TERAS KELIMA : MENGUKUH JATI DIRI DAN
MEMUGAR WARISAN
BUDAYA**
- TERAS KEENAM : MENAMBAHBAIK TADBIR URUS
YANG CEKAP DAN
BERINTEGRITI**

Yang Berhormat Tuan Speaker,

29. Sebelum saya membentangkan lebih lanjut enam (6) teras belanjawan yang dinyatakan tadi, izinkan saya terlebih dahulu, menjelaskan dan memerihalkan **SENARIO EKONOMI SEMASA DUNIA, NEGARA DAN NEGERI JOHOR.**

30. Sepertimana kita sedia maklum, perkembangan ekonomi dan perdagangan global semakin tidak menentu mutakhir ini berikutan perang

perdagangan antara Amerika Syarikat dengan China yang masih berlanjutan. Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) pula telah mengunjurkan semula pertumbuhan ekonomi dunia tahun 2019 kepada kadar 3.2% pada Julai lalu, berbanding unjuran awal iaitu 3.9%. Manakala Pertumbuhan Perdagangan Dunia (WTO) juga telah menurunkan pertumbuhan perdagangan dunia 2019 kepada 1.2% iaitu kadar terendah sejak tahun 2009.

31. Bagaimanapun, bagi tahun 2020, pertumbuhan ekonomi global dijangka lebih baik dengan unjuran pertumbuhan pada kadar 3.5% yang diterajui oleh pertumbuhan ekonomi negara yang berkembang pesat berbanding pertumbuhan perlahan dalam kalangan negara-negara maju.
32. Sebagai sebuah negara dalam lingkungan ekonomi bebas, Malaysia tidak terkecuali menerima kesan daripada iklim ekonomi dunia ini. Namun, melalui dasar ekonomi dan pembaharuan yang dilaksanakan kerajaan pada hari ini, pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka berkembang pada kadar 4.7% tahun ini dan 4.8% tahun 2020. Perkembangan ini terus dipacu oleh permintaan domestik yang berdaya tahan terutama bagi perbelanjaan isi rumah berikutan pasaran buruh yang stabil dan inflasi yang rendah.
33. Bagi Negeri Johor pula, pertumbuhan ekonomi yang direkodkan bagi tahun 2018 adalah amat memberangsangkan iaitu pada kadar 5.6% jauh lebih tinggi berbanding kadar nasional iaitu 4.7% pada tahun yang sama.

Ini membuktikan ekonomi Johor mampu kekal berdaya tahan dalam persekitaran ekonomi global dan perdagangan yang tidak menentu.

34. Sektor perkhidmatan terus kekal memacu perkembangan ekonomi negeri dengan sumbangan terbesar sebanyak 49% atau **RM64 bilion** kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Manakala sektor pembuatan pula menyumbang sebanyak 29% atau **RM38 bilion** kepada KDNK negeri.
35. Bagi tahun 2019 dan tahun 2020 pula, ekonomi Negeri Johor dijangka terus berada di landasan yang kukuh dengan unjuran pertumbuhan **sekitar 5.2% hingga 5.5%** iaitu lebih tinggi berbanding kadar nasional.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Izinkan saya membentangkan **SENARIO KEWANGAN NEGERI JOHOR.**

36. Wang Awam Kerajaan Negeri terdiri daripada wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi tiga (3) Kumpulan Wang Disatukan iaitu **Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan.** Pada 31 Disember 2018, Wang Awam Kerajaan Negeri Johor adalah berjumlah **RM2,464.28 juta**, manakala prestasi kewangan negeri sehingga 18 November 2019 adalah baik, dengan kedudukan rizab semasa negeri sebanyak **RM2,696.57 juta.**

37. Sehingga 18 November 2019, kutipan sebenar hasil negeri pula mencatatkan sebanyak **RM1,588.29 juta** dan telah melebihi anggaran hasil bagi tahun 2019 iaitu sebanyak **RM1,552.77 juta** atau **102.29%**. Daripada kutipan hasil yang diperolehi, hasil cukai mencatatkan kutipan sebanyak **RM503.25 juta (31.69%)**, hasil bukan cukai mencatatkan **RM766.84 juta (48.28%)** dan terimaan bukan hasil pula berjumlah sebanyak **RM318.20 juta (20.03%)**.
38. Selain itu, prestasi perbelanjaan kewangan negeri telah mencatatkan sebanyak **RM1,285.95 juta** dengan **lebih** semasa berjumlah **RM302.34 juta**. Prestasi belanja mengurus telah mencapai **82.99%** daripada **RM1,549.34 juta** yang telah diperuntukkan pada tahun 2019. Manakala belanja pembangunan pula telah mencapai **68%** daripada **RM600 juta** yang telah diperuntukkan pada tahun 2019.
39. Pada tahun 2020, hasil kerajaan negeri dianggarkan mencapai **RM1,785.99 juta**, meletakkannya sebagai anggaran hasil yang tertinggi dalam sejarah penyediaan Belanjawan Negeri Johor. Ini bermaksud anggaran kutipan hasil bagi tahun hadapan meningkat sebanyak **15.02%** berbanding tahun 2019.
40. Pertambahan anggaran kutipan hasil keseluruhan pada tahun 2020 adalah sebanyak **RM233.22 juta** yang mana sebanyak **RM193.74 juta** disumbangkan melalui kenaikan cukai tanah selepas kerajaan negeri memutuskan untuk melaksanakan **Semakan Semula Kadar Cukai**

Tanah kali kelima bermula tahun 2020. Ini menjadikan hasil keseluruhan daripada pentadbiran tanah berjumlah **RM1,161.38** juta. Pertambahan hasil kerajaan negeri juga disumbangkan melalui pemberian kerajaan persekutuan yang mana dianggarkan meningkat sebanyak **RM16.58 juta**, pemberian dan caruman yang lain sebanyak **RM9 juta** dan lain-lain hasil dengan pertambahan sebanyak **RM13.90 juta**.

41. Kerajaan negeri membuat **SEMAKAN SEMULA KADAR CUKAI TANAH** yang akan berkuat kuasa pada 1 Januari 2020. Namun, langkah ini dijangka tidak akan membebankan golongan berpendapatan rendah khususnya B40. Justifikasinya seperti berikut:
- i. Tiada kenaikan cukai tanah yang melibatkan **Rumah Kediaman Strata Kos Rendah dan Sederhana**.
 - ii. **Pengurangan Cukai Tanah Sebanyak 50%** kepada golongan pesawah padi.
 - iii. Golongan petani juga akan mendapat manfaat berikutan **Penghapusan Cukai Parit dan Tali Air**.
42. Berdasarkan kedudukan kewangan negeri yang terus berdaya tahan, maka kerajaan negeri mencadangkan anggaran perbelanjaan pada tahun 2020 adalah sebanyak **RM1,783.63 juta**. Jumlah anggaran perbelanjaan ini mencatatkan peningkatan sebanyak **RM234.29 juta** berbanding anggaran peningkatan hasil sebanyak **RM233.22 juta** yang disebutkan tadi. Kenaikan ini disebabkan oleh pertambahan peruntukan bagi perbelanjaan pembangunan. Ini bermakna, lebih anggaran hasil kesan daripada pindaan cukai tanah **dikembalikan semula** kepada rakyat melalui peningkatan perbelanjaan produktif yang memberi manfaat kepada

kesejahteraan rakyat dan merangsang pertumbuhan ekonomi Negeri Johor. Secara keseluruhannya, Belanjawan Johor 2020 dijangka akan mengalami lebih sebanyak **RM2.36 juta** berpunca daripada dasar fiskal negeri yang berkesan dengan melaksanakan perbelanjaan berhemah dan berintegriti selain pengurusan cekap atas hasil yang mampan.

43. Sejumlah **RM963.13 juta** (tidak termasuk caruman kepada pelbagai Kumpulan Wang Amanah di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 - Akta 61) diperuntukkan bagi tujuan belanja mengurus. Pecahan perbelanjaan belanja mengurus adalah seperti berikut:
- i. Emolumen sebanyak **RM515.95 juta**.
 - ii. Perkhidmatan dan bekalan sebanyak **RM273.45 juta**.
 - iii. Aset sebanyak **RM17.83 juta**.
 - iv. Perbelanjaan lain sebanyak **RM155.90 juta**.
44. Bagi perbelanjaan pembangunan tahun 2020, kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak **RM780 juta** (melalui caruman kepada kumpulan wang pembangunan) iaitu peningkatan sebanyak **RM180 juta** berbanding tahun 2019 sebanyak **RM600 juta**.
45. Kerajaan negeri juga berusaha mengurangkan hutang dengan kerajaan persekutuan. Pinjaman kerajaan negeri dijangka akan menyusut kepada **RM222.39 juta** pada 31 Disember 2019. Ini disebabkan oleh bayaran penyelesaian penuh pinjaman, bayaran balik pinjaman mengikut jadual dan pelarasan sebahagian pinjaman kerajaan negeri dengan kerajaan

persekutuan daripada pembiayaan secara pinjaman kepada pembiayaan secara geran. Ia melibatkan:

- i. **Projek Kecemasan Pemindahan Air Mentah Layang 1** bernilai **RM100 juta**.
 - ii. **Hapuskira Pinjaman Projek Bekalan Air Luar Bandar** sebanyak **RM189 juta**.
46. Kerajaan negeri melalui Perbendaharaan Negeri Johor (PNJ), Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor (BPENJ) dan Badan Kawalselia Air Negeri Johor (BAKAJ) akan meneruskan perbincangan dengan Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) bagi menyelesaikan baki pindahan hutang air yang lama tertunggak sebanyak **RM145 juta**. Jika baki pindahan hutang air ini dapat dilaksanakan, maka pinjaman kerajaan negeri dijangka berjaya dikurangkan kepada **RM71.71 juta** pada 31 Disember 2020.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

TERAS PERTAMA: MENSEJAHTERA RAKYAT

47. Keberkesanan sesebuah kerajaan akan lebih bermakna sekiranya kesejahteraan rakyat diberi perhatian yang sewajarnya. Pemodenan dan kemajuan Johor tentunya akan lebih gemilang jika rakyatnya dapat menikmati pengagihan dan limpahan ekonomi secara adil dan saksama sekali gus menikmati segala bentuk kemudahan yang ada, berasa selamat dan bahagia.

AGENDA PERTAMA: MENANGANI KOS SARA HIDUP

48. Kos sara hidup merupakan agenda utama yang sentiasa menjadi perhatian kerajaan negeri. Ia merupakan suatu isu yang kompleks sekali gus menuntut iltizam yang tinggi dan kerjasama bersepadu daripada pelbagai pihak di Negeri Johor. Untuk itu, beberapa inisiatif dicadangkan bagi tujuan tersebut.
49. *Inisiatif pertama:* Kerajaan negeri dengan kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan menambah sebanyak sepuluh (10) **PASAR TANI BAHARU** melibatkan di semua daerah di Negeri Johor yang menjanjikan tawaran harga barangan yang lebih murah. Dengan penambahan tersebut, bilangan pasar tani di seluruh Negeri Johor akan meningkat daripada 57 kepada 67 lokasi. Ini sekali gus akan dapat meningkatkan bilangan usahawan tani dan memakmurkan sosioekonomi di Negeri Johor.
50. *Inisiatif kedua:* Kerajaan negeri amat prihatin dengan nasib golongan nelayan malah meneruskan program **BANTUAN KHAS KEPADA GOLONGAN NELAYAN**. Inisiatif ini membolehkan setiap nelayan mendapat sebanyak **RM1 ribu** bagi meringankan kos sara hidup nelayan pesisir pantai di kawasan Selatan Johor yang terkesan akibat projek pembangunan yang dijalankan di pesisir Selat Johor.
51. *Inisiatif ketiga:* Bagi mengurangkan kos sara hidup di kawasan bandar pula, kerajaan menerusi Jabatan Pertanian, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) menyediakan peruntukan sebanyak **RM1 juta** bagi menggalakkan aktiviti

PERTANIAN BANDAR dalam kerangka memperkasa gagasan **Revolusi Hijau**.

52. *Inisiatif keempat:* Kerajaan negeri dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan menganjurkan **KARNIVAL JUALAN MEGA JOHOR** dengan peruntukan sebanyak **RM800 ribu**. Karnival ini berkonsepkan jualan terus dari kilang bagi tujuan memberi peluang kepada rakyat membeli barangan dengan harga yang lebih murah dan berpatutan. Di samping itu, karnival ini dapat menggalakkan kempen membeli produk Buatan Malaysia.
53. *Inisiatif kelima:* Kerajaan negeri juga akan memperluaskan pelaksanaan program **BANK MAKANAN** di seluruh Negeri Johor dengan peruntukan sebanyak **RM600 ribu**. Program ini bertujuan untuk membekalkan makanan keperluan harian kepada golongan B40 yang amat memerlukan, khususnya dalam kalangan penerima bantuan e-kasih, asnaf zakat dan penerima bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).
54. *Inisiatif keenam:* Kerajaan negeri komited untuk meneruskan pelbagai inisiatif di bawah akujanji Pakatan Harapan sepertimana yang telah dilaksanakan pada tahun ini. Antaranya:
 - i. **INSENTIF BAGI PELAJAR** yang berjaya memasuki Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam kalangan keluarga B40 sebanyak **RM1 ribu** bagi ijazah sarjana muda dan **RM500** bagi diploma. Ia melibatkan peruntukan sebanyak **RM2 juta** dengan manfaat disasarkan kepada **2 ribu pelajar**.

- ii. **KAD SIHAT JOHOR** yang disasarkan akan memanfaatkan seramai **28 ribu keluarga** dan **19 ribu individu** dalam kalangan B40 dengan peruntukan awalan sebanyak **RM2 juta**.
- iii. **SKIM AIR PERCUMA** sebanyak 10 meter padu akan diberikan kepada **229 ribu** pemegang akaun berdaftar dalam kalangan B40 dengan penggunaan bulanan tidak melebihi 35 meter padu. Peruntukan sebanyak **RM22.02 juta** disediakan bagi pelaksanaan inisiatif ini.
- iv. **PENGECUALIAN BAYARAN LESEN PENJAJA** di seluruh Negeri Johor mensasarkan manfaat kepada **3 ribu** orang penjaja dalam kategori B40. Inisiatif ini akan melibatkan implikasi kewangan kepada kerajaan negeri sebanyak **RM3.5 juta** setahun.
- v. **SKIM TAKAFUL WARGA EMAS** dengan jangkaan penerima manfaat bantuan sebanyak **RM1 ribu** kepada waris. Ia melibatkan seramai **28 ribu** orang dengan peruntukan sebanyak **RM1.68 juta**.

AGENDA KEDUA: PERUMAHAN MAMPU BIAYA

55. Di bawah agenda perumahan pula, kerajaan negeri sentiasa memberi perhatian yang serius dalam memastikan rakyat memperolehi peluang memiliki kediaman sendiri. Ia merupakan keperluan asasi bagi setiap orang terutama mereka yang sudah berkeluarga. Keperluan memiliki

rumah yang selesa dan bersesuaian mampu menyumbang kepada pembentukan keluarga sakinah.

56. **SKIM PERUMAHAN PRIHATIN JOHOR (SPPJ)** merupakan salah satu inisiatif kerajaan negeri bagi membantu golongan B40 memiliki kediaman sendiri. Fokus utama adalah rakyat Negeri Johor yang berpendapatan isi rumah **RM2,500 ke bawah**. Golongan B40 merupakan golongan yang paling sukar mendapatkan pembiayaan daripada institusi kewangan. Oleh itu, kerajaan negeri menyediakan peruntukan sebanyak **RM15 juta** bagi tempoh dua (2) tahun bermula tahun 2020 kepada golongan B40 bagi membeli **Rumah Mampu Biaya Johor Jenis A** yang berharga **RM42 ribu seunit**. Ia merupakan inisiatif strategik bagi membantu golongan ini dengan menggunakan pendekatan Skim Sewa Milik.
57. Seterusnya, kerajaan negeri turut memperkenalkan **SKIM PERUMAHAN BELIA JOHOR (SPBJ)** bagi membantu golongan belia mendiami rumah yang selesa. Inisiatif ini merupakan usaha kerajaan negeri bagi membantu pasangan muda berkahwin berumur antara 21 hingga 30 tahun dan berpendapatan isi rumah sebanyak **RM5 ribu ke bawah** untuk menyewa kediaman dengan harga yang berpatutan. Inisiatif ini melibatkan kos peruntukan sebanyak **RM15 juta** bagi tempoh dua (2) tahun bermula tahun 2020.
58. Dalam usaha kerajaan negeri mencapai sasaran pembinaan **RUMAH MAMPU BIAYA JOHOR** menjelang tahun 2023, peruntukan dana sebanyak **RM150 juta** bagi tempoh tiga (3) tahun bermula tahun 2020 **disediakan bagi membina Rumah Mampu Biaya Johor**. Untuk

makluman Dewan yang mulia ini, dari tahun 2018 hingga tahun 2019, sebanyak 7,623 unit rumah telah siap dibina. Manakala bagi tahun 2020 hingga tahun 2023, kerajaan negeri **mensasarkan sebanyak 16,865 unit** akan siap dibina di seluruh Negeri Johor.

59. Terdapat beberapa projek lagi yang akan dilaksanakan bagi sektor perumahan pada tahun 2020. Antaranya, kerajaan negeri menerusi Kumpulan Prasarana Rakyat Johor (KPRJ) akan melaksanakan pembinaan sebanyak 64 unit Rumah Mampu Biaya Jenis C dan 142 unit Rumah Mampu Biaya Jenis D di daerah Kulai.
60. Dalam usaha menggalakkan pembinaan rumah mampu biaya, maka program **RUMAH MESRA RAKYAT JOHOR** akan diteruskan dan diperkasakan dengan peruntukan daripada kerajaan negeri sebanyak **RM2 juta**.
61. Kerajaan negeri juga prihatin untuk meringankan bebanan memasuki kediaman baharu ditanggung rakyat melibatkan kos yang tinggi. Sehubungan itu, kerajaan negeri akan meneruskan **INSENTIF PEMBERIAN BAUCAR** sebanyak **RM1 ribu** kepada pembeli Rumah Mampu Biaya.
62. Kerajaan negeri juga mencadangkan **PEMBERIAN DISKAUN PENGURANGAN sebanyak 20%** bagi tunggakan melibatkan rumah sewa Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Rumah Sewa Kerajaan (RSK) di seluruh Negeri Johor. Inisiatif ini diambil bagi meringankan beban hutang yang tertunggak dalam kalangan para penyewa berdasarkan

kriteria yang ditetapkan. **Ingin saya tegaskan**, hanya mereka yang layak sahaja akan mendapat pemberian diskaun ini.

63. Selain itu, kerajaan negeri mencadangkan pemberian **PENGHARGAAN KEPADA PENYEWA-PENYEWA PPR DAN RSK** yang mempunyai rekod bayaran yang baik. Inisiatif ini merupakan suatu bentuk galakan disiplin dan penghargaan kepada para penyewa yang patuh membayar sewaan rumah mereka di PPR dan RSK. Bagi tujuan ini, peruntukan disediakan adalah sebanyak **RM200 ribu**.
64. Kerajaan negeri juga menyambut baik **Dasar Komuniti Negara (DKN)** yang dilancarkan oleh YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia pada 17 Februari 2019. Dasar ini mendukung pemerkasaan komuniti setempat supaya mereka boleh melibatkan diri secara aktif dalam pengurusan dan penyelenggaraan harta awam terutamanya di kawasan PPR.
65. Oleh itu, kerajaan negeri bersetuju memperuntukkan sebanyak **RM500 ribu** kepada **PROGRAM PRIHATIN PPR** bagi menggalakkan penglibatan penduduk dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh kerajaan. Program ini diharap dapat meningkatkan tahap kesedaran tentang kepentingan penjagaan harta awam di kawasan perumahan PPR.
66. Kerajaan negeri juga mengambil insentif bagi **MEMBANTU MENGURANGKAN LAMBAKAN HARTANAH** yang tidak terjual di Negeri Johor. Kerajaan negeri bersetuju memperkenalkan dua (2) insentif bersifat kempen untuk tempoh yang tertentu bagi maksud tersebut. Insentif pertama, kerajaan negeri bersetuju **MENURUNKAN HARGA**

MINIMA PEROLEHAN KEPENTINGAN ASING daripada **RM1 juta** kepada **RM600 ribu**. Insentif ini hanya ditawarkan kepada projek hartanah jenis bertingkat sahaja iaitu pangsapuri, kondominium, pangsapuri perkhidmatan dan *Small Office Home Office* (SOHO). Projek-projek ini mestilah mematuhi pra-syarat yang telah ditetapkan iaitu Sijil Siap dan Pematuhan (CCC) telah dikeluarkan melebihi tempoh sembilan (9) bulan. Permohonan boleh dikemukakan bermula dari 1 hingga 31 Januari 2020 dengan mengemukakan dokumen-dokumen sebagaimana senarai semak yang dikeluarkan oleh Pejabat Tanah Dan Galian (PTG) Johor.

67. Insentif kedua, **PELEPASAN HARTANAH BUMIPUTERA KEPADA PEMBANGUNAN JENIS KEDIAMAN** yang berharga **RM700 ribu** dan ke atas. Kadar permohonan pelepasan kali pertama dinaikkan daripada 30% kepada 60%, manakala kadar permohonan pelepasan kali kedua dinaikkan daripada 30% kepada semua baki unit yang masih ada. Selain itu, kerajaan negeri juga memanjangkan tempoh pembayaran caj gantian pelepasan lot bumiputera daripada 90 hari kepada 120 hari, daripada tarikh surat pemberitahuan kelulusan dikeluarkan. Insentif ini akan berlangsung dalam tempoh satu (1) tahun bermula 1 Januari sehingga 31 Disember 2020.

AGENDA KETIGA: INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN AWAM

68. Kerajaan negeri amat menghargai dan mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan persekutuan atas kelulusan projek-projek infrastruktur

dan prasarana yang akan dilaksanakan di Negeri Johor. Di sinilah untungnya apabila kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri berkongsi visi dan misi demi mensejahtera rakyat. Antara projek yang telah diluluskan termasuklah pelaksanaan **PROJEK JAMBATAN BYPASS KOTA TINGGI** dan **DIRECTIONAL RAMP (dengan izin)** di persimpangan Senai Desaru Expressway (SDE), Bandar Penawar bagi mengatasi masalah banjir dan penyuraian lalu lintas di daerah Kota Tinggi. Secara keseluruhan, kos bagi kedua-dua projek ini melibatkan peruntukan sebanyak **RM220 juta**.

69. Kerajaan negeri turut menyambut baik keprihatinan kerajaan persekutuan bagi mengatasi masalah kesesakan di **KOMPLEKS KASTAM, IMIGRESEN DAN KUARANTIN (CIQ) BANGUNAN SULTAN ISKANDAR (BSI)** dan **KOMPLEKS SULTAN ABU BAKAR (KSAB)** di Linkedua. Peruntukan yang telah diumumkan adalah sebanyak **RM85 juta** bermula tahun 2020.
70. Di samping itu, kerajaan negeri menyambut baik dan amat mengalu-alukan pengumuman kerajaan persekutuan untuk meneruskan projek **SISTEM TRANSIT RAPID (RTS)** yang menghubungkan Bukit Chagar di Johor Bahru dengan Woodlands di Singapura. Kesemua usaha ini bertujuan untuk melancarkan aliran trafik yang seterusnya merancakkan pertumbuhan ekonomi di Negeri Johor.
71. Kerajaan negeri amat prihatin mengenai isu pencemaran dan kualiti air di Selat Tebrau berikutan air yang tidak dapat mengalir melalui *culvert* yang tidak diselenggara dengan baik. Kerajaan negeri berusaha memohon peruntukan daripada kerajaan persekutuan bagi menyelenggara *culvert*

tersebut supaya isu pencemaran dan kualiti air di kawasan terbabit dapat diatasi dengan lebih efisien dan efektif.

72. Menerusi **Dasar Pengangkutan Negara 2019-2030**, kerajaan persekutuan berusaha mengoptimumkan penggunaan rel sebagai satu mod pengangkutan yang penting. Selaras dengan aspirasi tersebut, kerajaan negeri mencadangkan satu kajian awal dijalankan bagi **meningkatkan kualiti** perkhidmatan **PROJEK KERETAPI AWAM DAN KARGO** bagi laluan Pasir Gudang - Kempas - Tanjung Pelepas.
73. Bagi kesinambungan **PROJEK PEMBINAAN DAN MENAIK TARAF JALAN SERTA JAMBATAN DI SELURUH NEGERI JOHOR**, maka pada tahun 2020, kerajaan negeri telah menyediakan peruntukan sebanyak **RM58 juta**. Antara senarai projek yang akan dilaksanakan bagi tahun 2020 adalah:
- i. Menaik taraf Jalan Ulu Choh ke Gelang Patah dan seterusnya ke Ulu Pulai di daerah Johor Bahru.
 - ii. Membina jalan pintas dari Sungai Terap ke Paya Panjang di daerah Muar.
 - iii. Menaik taraf simpang empat di Benut, daerah Pontian.
 - iv. Menaik taraf jalan dan jambatan dari Sawah Ring ke Sungai Mati di daerah Tangkak.
 - v. Menaik taraf jalan sedia ada dari dua (2) lorong kepada empat (4) lorong di Jalan Masai Lama di daerah Johor Bahru.
74. Melalui peruntukan kerajaan persekutuan di bawah **SISTEM MAKLUMAT REKOD-REKOD JALAN RAYA MALAYSIA (MARRIS)** pada tahun 2020, sebanyak **RM700 juta** diperuntukkan bagi

penyelenggaraan jalan-jalan negeri, jalan-jalan bandaran dan jalan-jalan kampung di seluruh Negeri Johor. Peruntukan tersebut tidak termasuk bagi penyelenggaraan di kawasan FELDA. Oleh itu, kerajaan negeri akan berusaha mendapatkan kebenaran daripada Kementerian Kewangan bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan di kawasan FELDA dengan menggunakan peruntukan yang dianggarkan sebanyak **RM30 juta**.

75. Kerajaan negeri amat prihatin terhadap keselesaan ribuan pengguna jaringan jalan raya di kawasan luar bandar. Bagi maksud tersebut, kerajaan negeri bersetuju untuk melaksanakan projek **PEMASANGAN LAMPU DARI JALAN LABIS KE MUAR (J32)** iaitu dari **Perumahan Rakyat Labis sehingga persimpangan Felda Chempelak Barat, Segamat** dengan kos sebanyak **RM500 ribu**.
76. Rangkaian perhubungan yang baik serta sistem pengangkutan awam yang cekap dan berkesan merupakan antara faktor utama yang menyumbang kepada pembentukan negeri berprestasi tinggi. Sehubungan itu, kerajaan negeri bersetuju menubuhkan **MAJLIS PENGANGKUTAN JOHOR** bagi memperkasa jaringan pengangkutan di negeri ini. Majlis ini bertindak sebagai penyelaras terhadap inisiatif-inisiatif strategik bagi tujuan perancangan pengangkutan yang holistik sejajar dengan **Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Johor 2015-2045** dan **Dasar Pengangkutan Negara 2019-2030**.
77. Bagi mengurangkan kos sara hidup, kerajaan negeri akan **MEMPERLUASKAN PERKHIDMATAN BAS MUAFAKAT JOHOR DENGAN MENAMBAH SEPULUH (10) LALUAN BAHARU**. Ia melibatkan **peruntukan tambahan** sebanyak **RM4.3 juta**

dan **kos keseluruhan** sebanyak **RM29.1 juta** pada tahun 2020. Antara laluan baharu yang dimaksudkan adalah:

- i. Terminal Bas Mersing ke Endau.
- ii. Terminal Bas Kota Tinggi ke Tanjung Sedili.
- iii. Terminal Bas Kluang ke Hentian Bas Renggam.
- iv. Terminal Bas Maharani ke Simpang Jeram.
- v. Perhentian Bas Yong Peng ke Kangkar Baru.

78. Bagi menyokong penganjuran **Tahun Melawat Johor 2020 dan SUKMA 2020**, kerajaan negeri akan memperkenalkan **Program ‘Free Ride Bus’** (dengan izin) yang akan dilaksanakan sepanjang tahun 2020. Menerusi program ini, ia memberi peluang kepada rakyat tempatan menggunakan perkhidmatan **Bas Muafakat Johor** ke tempat-tempat menarik di negeri ini, dan ke lokasi-lokasi pertandingan sepanjang temasya SUKMA 2020 berlangsung dengan hanya mempamerkan Kad Pengenalan Malaysia sahaja.

79. Perkhidmatan feri penumpang dari Johor ke Indonesia merupakan perkhidmatan yang penting. Kemudahan pengangkutan air ini mampu menarik kehadiran pelancong dan meningkatkan hubungan antara dua (2) negara. Sehubungan itu, pada 1 September 2019, kerajaan negeri menerusi Perbadanan Pengangkutan Awam Johor (PAJ) telah mengambil alih operasi di **TERMINAL FERI ANTARABANGSA KUKUP** bagi menambah baik operasi dan menaikkan imej pintu masuk antarabangsa.

80. Bagi menambah baik sistem pengangkutan air di Negeri Johor, satu **KAJIAN PENGURUSAN JETI** akan dijalankan yang merangkumi aspek pengurusan jeti-jeti dan keberkesanan sistem pengangkutan air.
81. Selain itu, kerajaan negeri menerusi PBT memperuntukkan sebanyak **RM42 juta** bagi **MENAIKTARAF PRASARANA** di seluruh negeri Johor. Antara projek-projek utama yang akan dilaksanakan adalah:
- i. Pembinaan Dataran Pelancong di Ayer Hitam.
 - ii. Pembangunan Lanskap Pesisir Sungai Batu Pahat.
 - iii. Pembangunan Pengerang *Walk*.
82. Kerajaan negeri juga akan meneruskan pemberian **GERAN KESEIMBANGAN PBT** sebanyak **RM13.7 juta**. Antara tujuannya adalah untuk membantu PBT meningkatkan tahap penyediaan infrastruktur dan prasarana yang memenuhi keperluan masyarakat setempat. Geran keseimbangan ini diberikan berdasarkan pencapaian jumlah kutipan hasil dan kedudukan kewangan PBT pada tahun 2019.

AGENDA KEEMPAT: MEMPERKASA PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

83. Dalam merencanakan pembangunan Negeri Johor, kerajaan negeri juga memberi perhatian kepada agenda memperkasa pembangunan luar bandar. Inisiatif ini bertujuan untuk merapatkan jurang antara kawasan bandar dengan luar bandar sepertimana yang dianjurkan dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

84. Kerajaan negeri amat menghargai perhatian yang diberikan oleh kerajaan persekutuan terhadap pembangunan luar bandar di Negeri Johor. Menerusi pembentangan belanjawan kerajaan persekutuan 2020 baru-baru ini, Negeri Johor akan menerima peruntukan sebanyak **RM130.39 juta untuk melaksanakan 38 PROJEK PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**. Antaranya:
- i. Menaik taraf jalan Kampung Melayu Bukit Nyamuk, Kluang ke Puteri Menangis, Pontian.
 - ii. Pembangunan Pusat Pengumpulan Hasil Mengkuang di kawasan pertanian Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA).
85. Kerajaan negeri telah menerima peruntukan secara keseluruhan sebanyak **RM96 juta** bagi menjayakan tiga (3) projek **JALAN LUAR BANDAR (JALB)** iaitu:
- i. Membina jalan baharu Mukim 6 Linau dan Mukim 7 Tanjung Sembrong, Daerah Batu Pahat sepanjang 6.7 KM.
 - ii. Membina jalan baharu dari Kampung Johor Lama ke Persimpangan Felda Air Tawar 2 Daerah Kota Tinggi sepanjang 4 KM.
 - iii. Menaik taraf jalan pintasan dari Jalan Sawah Baru ke Tenang Stesyen, Daerah Segamat sepanjang 6 KM.
86. Selain itu, kerajaan negeri juga akan menerima peruntukan daripada kerajaan persekutuan sebanyak **RM4.6 juta** bagi pelaksanaan projek **JALAN PERHUBUNGAN DESA (JPD)**. Antaranya, membina jalan baharu di Kampung Gajah Mati di daerah Mersing, Jalan Wak Padol dan Jalan Sabar di daerah Kluang. Manakala **RM2.2 juta** bagi **PROGRAM AMENITI SOSIAL (PAMS)** bagi membina jambatan konkrit dari

Kampung Buau ke Kampung Sulit di Pulau Pemanggil dan membaikpulih jeti di Pulau Tinggi, daerah Mersing.

87. Kita juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada kerajaan persekutuan yang telah menyalurkan peruntukan sebanyak **RM12.96 juta** bagi tujuan pemasangan 6,625 unit **LAMPU JALAN KAMPUNG**.
88. Selain itu, Johor juga terpilih sebagai negeri pertama bagi pelaksanaan **PROGRAM DESA PINTAR** di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) iaitu di Kampung Tui, Bukit Kepong, Muar. Menerusi inisiatif ini, kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi disediakan bagi membolehkan penduduk kampung menggunakan platform digital bagi memasarkan produk perniagaan ke pasaran yang lebih besar.
89. Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) melalui KEJORA pula telah memperuntukkan sebanyak **RM1.5 juta** di bawah program **JALAN PERHUBUNGAN DESA (JPD)** di wilayah KEJORA.
90. Kerajaan negeri juga menyokong pemerksaan fungsi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) serta Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan (JKKR) FELDA di seluruh Negeri Johor. Sehubungan itu, kerajaan negeri berbesar hati untuk memberi bantuan bagi **PEMBELIAN PERALATAN** yang boleh dimanfaatkan oleh komuniti kampung dengan peruntukan sebanyak **RM1 juta**. Bantuan ini diberikan berdasarkan permohonan dari setiap kampung yang memerlukan.

91. Bagi membela nasib generasi baharu FELDA, kerajaan komited untuk menyiapkan 1,639 unit rumah di Negeri Johor menerusi **Projek Perumahan Generasi Baharu FELDA** pada tahun 2020. Rancangan FELDA yang terlibat adalah seperti berikut:
- i. FELDA Sungai Sibol dan Inas Utara di kawasan Bandar Tenggara.
 - ii. FELDA Papan Timur di daerah Kota Tinggi.
 - iii. FELDA Maokil 1 dan Maokil 2 di daerah Segamat.

Selain itu, kerajaan negeri juga akan mempertimbangkan **pengurniaan sebanyak 4,306 lot tapak rumah bagi Generasi Harapan Baharu FELDA** di seluruh Negeri Johor.

92. Kerajaan negeri seterusnya merakamkan penghargaan kepada kerajaan persekutuan di atas kelulusan peruntukan sebanyak RM6 juta bagi tujuan **PEMBANGUNAN EKONOMI MASYARAKAT ORANG ASLI** termasuk pembinaan infrastruktur dan pembangunan sahsiah di seluruh Negeri Johor. Kerajaan negeri juga berbesar hati memperuntukkan sebanyak RM500 ribu bagi tujuan yang sama.
93. Pihak IRDA turut meneruskan **PROGRAM PENAMBAHBAIKAN KAMPUNG TRADISI DI ISKANDAR MALAYSIA**. Sebanyak **RM1.5 juta** akan diperuntukkan bagi meningkatkan pendapatan penduduk di 12 buah kampung di dalam kawasan wilayah Iskandar Malaysia.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

AGENDA KELIMA: MENYANTUNI ANAK MUDA, BELIA DAN WANITA

94. Kelompok masyarakat terdiri daripada anak muda, belia dan wanita merupakan modal insan yang berpotensi serta bakal menjadi pemimpin pelapis pada masa hadapan. Kerajaan negeri komited untuk melahirkan generasi anak muda, belia dan wanita yang berkemahiran, berkualiti dan berwawasan. Inisiatif ini sentiasa menjadi keutamaan dalam pembangunan negeri yang berprestasi tinggi.

95. Kerajaan negeri menerusi Majlis Daerah Simpang Renggam dengan kerjasama kerajaan persekutuan akan membangunkan Bandar Renggam di daerah Kluang sebagai **BANDAR BELIA MALAYSIA** yang pertama di selatan Tanah Air. Antara inisiatif yang akan dilaksanakan termasuklah pembangunan pusat-pusat aktiviti belia dan pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama aliran TVET di atas sebahagian tapak pembangunan bercampur yang akan dibangunkan oleh Johor Corporation (JCorp).

96. Dalam memperkasakan agenda anak muda, kerajaan negeri menyediakan peruntukan sebanyak **RM1 juta** bagi melaksanakan program-program yang akan memberi manfaat kepada anak muda di kawasan **HAB BELIA HUTAN BANDAR**, Johor Bahru. Program-program yang akan dilaksanakan memberi fokus kepada pembangunan ekonomi kreatif, keusahawanan dan sukan. Tiga (3) bidang teras tersebut amat penting

untuk pembangunan anak muda malah ia merupakan suatu pelaburan sumber manusia yang signifikan dalam menghadapi era ekonomi masa hadapan.

97. Kerajaan negeri juga akan menyediakan peruntukan sebanyak **RM500 ribu** kepada **PUSAT PEMBANGUNAN BELIA JOHOR (JOYDEC)**. Pusat ini akan menjadi penggerak bagi menjayakan pelbagai inisiatif untuk melengkapkan ekosistem dan sumber keperluan belia di seluruh daerah di Negeri Johor. Kerajaan negeri berharap inisiatif ini mampu melahirkan dan membentuk generasi muda yang mantap dan mempunyai semangat untuk memajukan diri mereka.
98. Selain itu, kerajaan negeri melalui JOYDEC akan menyediakan dana sebanyak **RM500 ribu** khususnya untuk **MEMBANGUNKAN DAYA CIPTA BELIA**. Ia berpotensi memberi impak dan limpahan ekonomi bagi mewujudkan peluang-peluang pekerjaan baharu untuk anak muda. Inisiatif ini juga menyediakan anak muda dan wanita menuju era '*Gig Economy*' (dengan izin) di Negeri Johor.
99. Peranan anak muda dalam aktiviti kemasyarakatan amatlah penting. Mereka mempunyai idealisme, muda dan bertenaga serta merupakan golongan yang kreatif dan inovatif. Justeru, program **SUKARELAWAN BELIA AKAR UMBI** akan diteruskan dengan peruntukan sebanyak **RM500 ribu**. Ia digunakan bagi menyediakan latihan khidmat

masyarakat, latihan bantuan kecemasan, latihan kecekapan dan latihan pemantauan awam.

100. Bagi memperkasa pembangunan bakat anak muda, kerajaan negeri melalui Institut Integriti Kepimpinan dan Latihan Semangat Dato' Onn (IKLAS) akan melaksanakan program **MEMPERKASA BAKAT KEPIMPINAN ANAK MUDA JOHOR DAN PEMBANGUNAN BAKAT MUDA KREATIF**. Program ini memfokuskan kepada pembangunan mahasiswa anak-anak Johor yang berada di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di seluruh negara. Untuk tujuan tersebut, kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak **RM500 ribu** bagi menjayakan program ini.
101. Kejayaan dalam acara sukan memerlukan latihan yang sistematik dan berterusan. Sebanyak **RM3.1 juta** diperuntukkan oleh kerajaan negeri untuk persediaan latihan intensif kepada atlet Johor yang melibatkan 31 jenis sukan yang terdiri daripada 16 sukan wajib dan 15 sukan pilihan di dalam temasya SUKMA Johor 2020. Peruntukan ini juga termasuk menyediakan peralatan sukan dan kelengkapan kontinjen SUKMA Johor 2020.
102. Selain itu, kerajaan negeri menerusi Majlis Sukan Negeri Johor (MSNJ) komited dalam mempersiapkan kontinjen SUKMA Johor melalui **PROGRAM TITANIUM 2020 (Ti20)**. Program Ti20 ini merupakan sebuah program khusus dalam persiapan atlet-atlet Johor untuk menghadapi SUKMA Johor 2020.

103. Program Ti20 melibatkan pelbagai inisiatif penting bagi menghasilkan atlet-atlet yang berprestasi tinggi. Ia melibatkan aspek kejurulatihan, kepakaran sains sukan, sistem kelayakan atlet, peralatan dan kemudahan latihan serta fokus kepada pembangunan sukan.
104. Dianggarkan seramai **700 orang** terdiri daripada atlet dan pegawai terlibat dalam kontinjen Johor pada edisi SUKMA kali ini. Kontinjen Johor telah menjanjikan sasaran untuk memungut **60 PINGAT EMAS** dan dengan matlamat untuk muncul juara keseluruhan dalam temasya sukan terbesar di Malaysia ini.
105. Kerajaan negeri menganggarkan lebih **1.5 juta pengunjung** berkunjung ke Negeri Johor terutamanya ketika SUKMA Johor 2020 yang berlangsung pada 11 hingga 19 Julai 2020, Sukan Orang Pekak Malaysia (SOPMA) pada 22 hingga 27 Jun 2020 dan penganjuran PARA-SUKMA Johor 2020 pada 16 hingga 22 Ogos 2020. Jumlah pengunjung disasarkan akan bertambah memandangkan tahun hadapan merupakan Tahun Melawat Johor 2020.
106. Kejayaan dan momentum penganjuran SUKMA Johor 2020 akan menjadi pemangkin pembangunan sukan di Negeri Johor. Kerajaan negeri melalui MSNJ komited untuk memastikan Johor terus menjadi kuasa baharu sukan negara dalam pelbagai acara sukan yang popular termasuklah bola sepak, hoki, sepak takraw, ragbi, tinju dan olahraga.
107. Untuk menjadi kuasa baharu sukan negara, kemudahan dan infrastuktur sukan yang canggih dan berteknologi tinggi dilihat menjadi salah satu

kriteria yang mampu meningkatkan kecemerlangan sukan di Negeri Johor.

108. Demi menjayakan kelangsungan kecemerlangan sukan di Negeri Johor, kerajaan negeri telah bersetuju SPORTS JOHOR SDN BHD iaitu anak syarikat kepada KPRJ bagi membangunkan **PELAN KOMPREHENSIF BANDAR SUKAN ATAU *SPORTS CITY*** seperti di Bukit Jalil, Kuala Lumpur. Ia melibatkan pembangunan pelbagai kemudahan dan infrastruktur berpusat yang lengkap untuk mengurus tadbir pembangunan sukan negeri seperti penyediaan pejabat pentadbiran MSNJ, pejabat pengurusan persatuan-persatuan dan kelab-kelab sukan, gimnasium berprestasi tinggi, pusat rehabilitasi sukan, pusat latihan bersepadu '*indoor*', asrama, dewan makan atlet, pusat media, farmasi, kedai-kedai peralatan dan pakaian sukan serta keperluan lain yang berkaitan sukan.
109. Kemudahan dan infrastruktur sukan sedia ada atau bakal dibina juga boleh diakses oleh orang awam bagi memastikan budaya sukan dapat diterapkan dalam kehidupan rakyat Johor. Ini akan membolehkan **industri sukan Johor menjadi '*game changer*'** bukan sahaja dalam bidang sukan, malah dalam bidang ekonomi dan pembangunan sosial rakyat Johor dan Malaysia amnya. Malah, Negeri Johor mampu melahirkan ahli-ahli sukan bertaraf profesional yang diiktiraf di peringkat global. Kerajaan negeri beriltizam memastikan Johor menjadi peneraju utama dalam industri sukan di peringkat nasional dan antarabangsa.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

110. Golongan wanita turut memainkan peranan penting dalam pembangunan negara termasuk di Negeri Johor. Sumbangan dan pengorbanan mereka ini sememangnya sangat berharga. Bagi mengiktiraf sumbangan wanita, kerajaan negeri akan memperkukuh institusi keluarga dengan mengarusperdanakan wanita dalam agenda pembangunan di Negeri Johor.
111. Di bawah inisiatif ini, kerajaan negeri bersetuju memperuntukkan sebanyak **RM300 ribu** di bawah **SKIM BANTUAN GUAMAN WANITA** Negeri Johor. Skim ini bertujuan membantu golongan kurang bernasib baik untuk mendapat pembelaan di mahkamah bagi kes-kes perundangan berkaitan rumah tangga dan perkhidmatan kaunseling.
112. **PROGRAM KESEDARAN DAN PEMBINAAN FASILITI BILIK MAMA FRIENDLY** akan diteruskan dan diperluaskan lagi di premis-premis kerajaan. Inisiatif ini bertujuan untuk menyokong dasar penyusuan ibu di peringkat kebangsaan dengan menyediakan bilik penyusuan bagi ibu-ibu bekerja dan para pelanggan yang berurusan di pusat pentadbiran kerajaan. Inisiatif ini akan melibatkan peruntukan berjumlah **RM300 ribu**.
113. Bagi **MEMANTAPKAN EKONOMI KAUM WANITA DI NEGERI JOHOR**, beberapa program dan inisiatif keusahawanan dan penjanaaan pendapatan akan dilaksanakan. Untuk inisiatif ini, kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak **RM1 juta** kepada Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim (YPKDT) bagi menjalankan program-program

khusus bagi golongan wanita dalam sektor keusahawanan. Antaranya, **Program Latihan dan Promosi (PLP), Mini Karnival Usahawan Anak Muda @ Suri (KAMI), Kursus Inspirasi Usahawan Berfokus (KIUB)** dan *Women Income-Generating Skills Projects (WINGS)* (dengan izin).

114. Kerajaan negeri juga akan menganjurkan **PROGRAM-PROGRAM YANG MEMBERI KESEDARAN TENTANG PENTINGNYA KAUM WANITA DALAM PEMBANGUNAN NEGARA**. Program JEJAK@MARI (Mesra, Aktiviti, Riadah Dan Informatif), Program *FIT and FABULOUS* (dengan izin) dan Program Kesedaran Kepada Keluarga Yang Mempunyai Anak-anak Orang Kurang Upaya (OKU) merupakan antara program khusus kepada golongan sasar dan memberi kesedaran kepada masyarakat. Selain itu, program Permata Hati pula akan dianjurkan bagi tujuan meningkatkan kesedaran tentang keganasan terhadap kaum wanita.

AGENDA KEENAM: KESIHATAN

115. Dalam usaha mensejahtera rakyat dalam aspek kesihatan, kerajaan negeri amat menghargai peruntukan yang diberikan kerajaan persekutuan berjumlah **RM97 juta** menerusi *Rolling Plan 4* tahun 2020. Menerusi pelan ini, **empat (4) projek baharu akan dibangunkan dengan kos keseluruhan projek bernilai RM75 juta**. Antara projek baharu yang akan dijalankan adalah pembangunan Klinik Kesihatan Jenis 2 Taman Cendana di Pasir Gudang dan Klinik Kesihatan Jenis 2 Bandar Kota Tinggi.

116. Selain itu, kerajaan negeri juga berusaha memastikan rakyat Johor mempunyai kesedaran tinggi dalam penjagaan kesihatan. Justeru, program **KEMBARA KESIHATAN JOHOR 2020** akan dijalankan dengan peruntukan sebanyak **RM1 juta**. Program ini buat julung kalinya diadakan di Negeri Johor yang berbentuk jelajah ke daerah-daerah. Kembara ini akan membawa perkhidmatan pemeriksaan kesihatan dan menjalankan kempen penjagaan kesihatan secara intensif kepada orang ramai khususnya masyarakat di luar bandar.

AGENDA KETUJUH: KESELAMATAN

117. Aspek keselamatan adalah antara penyumbang kepada kesejahteraan rakyat. Sehubungan itu, kerajaan negeri memandang serius kepada kadar jenayah dan kehilangan harta benda di kawasan persendirian serta awam. Maka, sebanyak **RM2.1 juta** diperuntukkan untuk pelaksanaan **PROGRAM BANDAR SELAMAT** bagi:

- i. Menambah lagi pemasangan CCTV di kawasan-kawasan *hot spot*.
- ii. Laluan pejalan kaki selamat, dan
- iii. Meningkatkan pencahayaan di kawasan taman perumahan.

Program ini akan dilaksanakan di Batu Pahat, Kluang, Kota Tinggi, Pasir Gudang, Pontian, Simpang Renggam dan Yong Peng.

118. Bagi memperkukuhkan aspek keselamatan dan kesejahteraan komuniti, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Negeri Johor melalui Kawasan Rukun Tetangga (KRT) akan menyediakan **PELAN TINDAKAN KEJIRANAN DAN KESEJAHTERAAN KOMUNITI**.

AGENDA KELAPAN: MENGUKUH PERPADUAN

119. Aspek perpaduan sentiasa menjadi perhatian Kerajaan Negeri Johor dalam menjayakan **AGENDA MUFAKAT JOHOR**. Sebanyak **RM1 juta** diperuntukkan bagi melaksanakan **PROGRAM PROMOSI BERSEPADU PERPADUAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**. Program ini bertujuan untuk menyemarakkan semangat perpaduan, patriotisme dan jati diri rakyat Johor serta meningkatkan kesedaran rakyat tentang kepentingan perpaduan di kalangan rakyat berbilang bangsa, agama dan budaya di negeri ini.

AGENDA KESEMBILAN: MEMPERKASA BADAN BUKAN KERAJAAN (NGO)

120. Dalam era moden, peranan masyarakat sivil dan pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO) sangat penting serta semakin signifikan. Justeru, pada tahun 2020, kerajaan negeri akan memperkukuh peranan NGO bagi mensejahtera kehidupan rakyat dengan menyediakan **GERAN NGO** berjumlah **RM6 juta**. Inisiatif ini diharap dapat membantu penganjuran program-program dan pengurusan dalam kalangan NGO yang terpilih.

PERUNTUKAN MASYARAKAT CINA

121. Kerajaan negeri meraikan kepelbagaian kaum, agama dan budaya. Justeru, kerajaan negeri menyediakan peruntukan kepada pembangunan masyarakat Cina yang berjumlah **RM3.5 juta** bagi tujuan kebajikan dan pendidikan.

PERUNTUKAN MASYARAKAT INDIA

122. Bagi masyarakat India pula, kerajaan negeri menyediakan peruntukan sebanyak **RM3 juta**. Peruntukan ini diharap dapat digunakan secara optimum untuk tujuan kebajikan, aktiviti keusahawanan dan pendidikan masyarakat India.

MEMACU AGENDA BUMIPUTERA

123. Agenda pembangunan orang Melayu dan Bumiputera terus menjadi fokus kerajaan negeri. Ini selaras dengan apa yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895. Dalam usaha menyelaras segala bentuk inisiatif kepada orang Melayu dan Bumiputera sama ada di peringkat agensi kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri, sebuah **JAWATANKUASA PEMERKASAAN AGENDA BUMIPUTERA NEGERI JOHOR** akan ditubuhkan. Jawatankuasa ini berfungsi sebagai penyelaras dan merangka hala tuju masyarakat Bumiputera di Negeri Johor terutamanya di dalam aspek pembangunan modal insan, pendidikan, pemilikan hartanah dan ekuiti, pertanian, keusahawanan serta lain-lain lagi selaras dengan strategi di bawah Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

TERAS KEDUA: MEMAKMUR EKONOMI

124. Di bawah teras **Memakmur Ekonomi**, agenda utama kerajaan negeri adalah untuk memastikan kedudukan ekonomi Johor sentiasa kukuh, mampan dan mampu menangani cabaran mendatang terutama dalam mendepani era Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0). Kerajaan negeri berpandangan bahawa bukan sahaja hasil pelaburan negeri harus dipertingkatkan malah sektor ekonomi yang bernilai dan berimpak tinggi perlu dibangunkan.
125. Antara sektor yang menjadi keutamaan dalam agenda ekonomi mampan ialah pelaburan dan prasarana, industri minyak dan gas, pertanian berskala besar, pelancongan, pembangunan usahawan dan koperasi serta ekonomi baharu merangkumi ekonomi kreatif, digital, sains dan teknologi.

SEKTOR PELABURAN DAN PERDAGANGAN

126. Sektor pelaburan terus menjadi nadi kepada pertumbuhan ekonomi di Negeri Johor. Justeru, **PELAN INDUK PELABURAN NEGERI JOHOR 2020-2030** akan digubal bagi merangka hala tuju sektor pelaburan di Negeri Johor. Saya percaya dengan adanya pelan ini, ia akan dapat meningkatkan daya saing dan nilai produktiviti pelaburan di Negeri Johor.

127. **BLOCKCHAIN VILLAGE @ MEDINI** (dengan izin), adalah projek strategik bagi pembangunan ekosistem *blockchain* yang menyokong aspirasi kerajaan negeri untuk menjadi negeri berteknologi tinggi. Ia merupakan satu platform yang menggalakkan komuniti maya berinteraksi dalam menyediakan pelbagai jenis perkhidmatan berasaskan teknologi terkini. Inisiatif ini bakal dibangunkan di hab *Blockchain* di Medini, Iskandar Puteri dan dijangka mewujudkan **1,200 peluang pekerjaan berkualiti** berdasarkan peningkatan pelaburan kepada **RM562 juta menjelang tahun 2022**.
128. Perkembangan perdagangan secara atas talian memberi impak kepada kemajuan ekonomi negeri. Peningkatan mendadak dalam perdagangan di internet atau e-dagang memberi kesan positif kepada peningkatan pendapatan serta perkembangan perniagaan dalam kalangan usahawan kecil dan sederhana. Oleh itu, dalam usaha mempertingkatkan penggunaan dan keterlibatan usahawan dalam e-dagang, maka **GERAN MODAL PERMULAAN E-COMMERCE** diperkenalkan di peringkat negeri kepada syarikat permulaan (*start-up company*) yang mengaplikasikan inisiatif digital dengan peruntukan sebanyak **RM1 juta**.
129. Di samping itu, kerajaan negeri menerusi Pejabat Tanah dan Galian (PTG) dengan kerjasama Invest Johor mengambil inisiatif berikut:
- i. Mempercepatkan tempoh proses memperolehi kelulusan bagi **PEROLEHAN HARTANAH OLEH KEPENTINGAN ASING UNTUK PELABURAN BERIMPAK TINGGI** kepada hanya 14 hari dan ianya tertakluk kepada bidang kuasa Pengarah Tanah dan Galian Negeri (PTG) Johor.

- ii. Bagi **PROSES PEMBANGUNAN TANAH SECARA SERAH BALIK KURNIA SEMULA (SBKS)**, kerajaan negeri komited menyelesaikan dalam tempoh 60 hari untuk dibawa kepada pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri (PBN).

Pemeriksaan kedua-dua prosedur tanah yang disebut ini akan memacu aktiviti pelaburan yang berimpak tinggi dengan tujuan memudahkan para pelabur mengoptimumkan pelaburan modal di samping mewujudkan persekitaran pelaburan yang kondusif.

130. Kerajaan negeri juga telah membangunkan kawasan **seluas 745 ekar** di Kulai Industrial Park (KIP) sebagai Hab Data dan *Cloud* bertaraf dunia. Hab ini dikenali sebagai **KULAI ISKANDAR DATA EXCHANGE (KIDEX)**. Inisiatif ini dijangka merangsang pertumbuhan ekonomi, menjana peluang pekerjaan bernilai tinggi dan menarik pelaburan berkualiti daripada syarikat domestik mahupun antarabangsa.
131. Bagi memastikan kelangsungan ekonomi mampan pada masa hadapan, kerajaan negeri melaksanakan penstrukturan ekosistem perindustrian. Sektor yang berpotensi termasuklah industri berteknologi tinggi, industri halal, teknologi robotik, kecerdikan buatan (AI), percetakan 3D, perkhidmatan global dan *emerging technologies* (dengan izin). Kesemua bidang tersebut perlu diberikan keutamaan bagi menarik pelaburan ke Negeri Johor. Dengan menjayakan inisiatif tersebut, **KERAJAAN NEGERI MENSASARKAN UNTUK MEMPEROLEHI NILAI PELABURAN DILULUSKAN** sebanyak **RM9 bilion** pada tahun 2020.

132. Perkembangan di **KOMPLEKS PETROLEUM BERSEPADU Pengerang (PIPC)** menyaksikan Dialog Group Berhad terlibat dalam pembangunan Terminal Laut Dalam Pengerang (PDT). Ia menyediakan perkhidmatan penyimpanan minyak mentah dan minyak ditapis serta dermaga laut dalam untuk pengangkutan minyak, gas dan produk berkaitan. Terkini, Dialog Group Berhad telah melancarkan fasa ketiga PDT yang melibatkan pembinaan tangki-tangki baharu untuk penyimpanan produk petroleum bersih dengan kapasiti sebanyak 430 ribu meter padu dengan nilai pelaburan tambahan berjumlah **RM2.5 bilion**.
133. Syarikat PETRONAS pula kini dalam peringkat akhir penyempurnaan operasi **KOMPLEKS BERSEPADU Pengerang (PIC)** dengan pelaburan bernilai **RM112.9 bilion**. Projek ini melibatkan usaha sama dengan **Saudi Aramco**, syarikat minyak terbesar di dunia dalam perniagaan penapisan minyak dan pemprosesan petrokimia. Kawasan perindustrian **seluas lebih 6,200 ekar** ini menempatkan loji penapisan minyak, loji perekah nafta, loji pemprosesan petrokimia, loji regasifikasi, *co-generation plant* (dengan izin) untuk penjanaan tenaga elektrik serta kemudahan-kemudahan sokongan termasuk empangan pembekal air mentah dan loji rawatan air mentah. PIC dijangka beroperasi secara komersil pada suku terakhir tahun 2019.

REVOLUSI HIJAU

134. Industri pertanian menyumbang secara signifikan kepada ekonomi Negeri Johor. Malah, ia mampu menangani masalah migrasi ke kawasan bandar dan juga penyelesaian kepada masalah peluang pekerjaan di kawasan luar

bandar. Pada tahun 2018, industri pertanian mencatatkan sumbangan sebanyak RM16.3 bilion dalam sektor makanan negara. Bagi tahun 2020, kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak **RM14 juta** untuk memajukan sektor pertanian di Negeri Johor. Inisiatif ini juga mendapat sokongan padu daripada kerajaan persekutuan menerusi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dengan peruntukan sebanyak **RM11.6 juta**.

135. Sehubungan itu, kerajaan negeri komited memperkasa gagasan **REVOLUSI HIJAU** untuk mengoptimumkan penggunaan tanah pertanian, meningkatkan prasarana pertanian, menggalakkan penggunaan teknologi moden, menggalakkan aktiviti pertanian berskala besar dan mewujudkan kawasan khas sub-sektor pertanian. Kerajaan menerusi Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Perikanan dan pelbagai jabatan mahupun agensi yang berkaitan akan menggerakkan sinergi serta melaksanakan peranan bagi merealisasikan gagasan Revolusi Hijau ini.
136. Bagi merealisasikan inisiatif ini, kerajaan memfokuskan kawasan tanah pertanian terbiar dengan peruntukan sebanyak **RM1.4 juta** melalui **Projek Pembangunan Tanah Terbiar, Pembangunan Kolam Ternakan Terbiar dan Pembangunan Tanaman Rumput Makanan Ternakan** di kawasan tanah terbiar. Projek ini akan dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar.
137. Kerajaan negeri juga berusaha menjadikan industri tanaman makanan utama, berdaya saing dan mampan bagi meningkatkan tahap pendapatan

di kalangan usahawan tani. Oleh itu, untuk **MEMPERKASA INDUSTRI TANAMAN MAKANAN UTAMA**, kerajaan negeri menyediakan peruntukan sebanyak **RM1 juta** yang memfokuskan kepada projek tanaman buah-buahan, sayur-sayuran dan tanaman ladang. Kerajaan negeri mensasarkan sekurang-kurangnya **350 hektar tanah** dapat dibangunkan yang dijangka memberi manfaat kepada **200 orang petani**.

138. Industri **TANAMAN KELAPA** juga terus dipergiatkan selaras dengan Pelan Hala Tuju Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang menjadikan kelapa sebagai sumber kekayaan baharu pertanian negara. Maka, kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak **RM400 ribu** pada tahun 2020 dengan mensasarkan kawasan tanaman **seluas 100 hektar** bagi penanaman jenis kelapa terpilih di Negeri Johor.
139. Kerajaan negeri bersama pihak **Johor Corporation (JCorp)** juga akan membangunkan **PROJEK TANAMAN KELAPA DAN NANAS** secara besar-besaran. Sebagai permulaan, JCorp akan membangunkan projek **penanaman kelapa seluas 250 ekar** pada tahun 2020 di Tanjung Balau, Kota Tinggi. Bagi penanaman nanas pula, JCorp akan membangunkan projek tanaman nanas jenis MD2 seluas **914 ekar** di Ulu Tiram.
140. Pada masa yang sama, kerajaan negeri komited meningkatkan produktiviti sektor perikanan secara mampan dengan memperkenalkan teknologi baharu seterusnya berupaya meningkatkan pendapatan golongan nelayan. Justeru, kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak **RM1.5 juta** yang merangkumi **PROJEK AKUAKULTUR, PENYELIDIKAN, BIOSEKURITI DAN PEMELIHARAAN SUMBER PERIKANAN**. Kerajaan persekutuan pula menyediakan

peruntukan sebanyak **RM4 juta** bagi tujuan yang sama. Tumpuan akan diberikan kepada kawasan Pantai Barat Negeri Johor.

141. Dalam agenda pembangunan ekonomi negeri, ia melibatkan seluruh lapisan masyarakat. Kerajaan negeri dengan kerjasama PETRONAS akan melaksanakan **PROJEK TERNAKAN KUPANG** bagi meningkatkan ekonomi masyarakat Orang Asli di Kuala Masai. Projek ini mampu memberi tambahan pendapatan kepada masyarakat Orang Asli. Selain itu, **PROJEK MELABUHKAN TUKUN TIRUAN** juga akan dilaksanakan di Pengerang untuk menambah kepadatan sumber marin, memelihara sumber perikanan seterusnya meningkatkan produktiviti. Peruntukan sebanyak **RM9.5 juta** disediakan bagi melaksanakan projek selama dua (2) tahun bermula tahun 2020.

142. Selain itu, dalam usaha menambah baik ekonomi golongan berpendapatan rendah, kerajaan negeri akan meneruskan pelaksanaan **PROGRAM KEBUN INTEGRASI AYAM KAMPUNG KACUKAN** dengan peruntukan sebanyak **RM300 ribu**. Menerusi program ini, seramai 120 orang penternak yang terdiri daripada golongan berpendapatan rendah akan menerima manfaat dan berupaya untuk mempertingkatkan ekonomi keluarga.

EKONOMI BAHARU

143. Bagi mempersiapkan Negeri Johor dalam menghadapi gelombang Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0), kerajaan negeri memberi perhatian serius dalam membangunkan sektor ekonomi baharu. Di bawah

sektor ekonomi kreatif, aktiviti berbentuk kesenian dan penciptaan kreatif akan diberikan perhatian dan dibangunkan bagi tujuan penjanaan pendapatan serta yang lebih penting lagi, penciptaan harta intelek yang mampu menjadi penjanaan kekayaan untuk jangka masa panjang.

144. Pada masa kini, penciptaan dan pemilikan harta intelek adalah salah satu segmen baharu dalam ekonomi. Dalam hal ini, inisiatif kerajaan negeri adalah untuk menambah bilangan penciptaan dan pemilikan harta intelek. **PENGGOMERSILAN HARTA INTELEK** mampu mewujudkan syarikat hiliran atau *spin-off company* (dengan izin) yang sekali gus dapat memperkasakan aktiviti tekno-keusahawanan di Negeri Johor.
145. Pada peringkat permulaan, kerajaan negeri akan menjalin **usahasama dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM)** untuk meneroka usaha mengkomersilkan harta intelek secara lebih meluas di Negeri Johor khususnya di dalam sektor berpotensi seperti teknologi maklumat dan komunikasi, keusahawanan, pertanian dan pendidikan.

MEMACU SEKTOR ICT, SAINS DAN TEKNOLOGI

146. Kerajaan negeri turut memberi penekanan terhadap agenda sains, teknologi maklumat dan komunikasi. Selaras dengan hasrat kerajaan persekutuan, beberapa inisiatif telah dirangka bagi mentransformasi pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan tahap penyampaian kerajaan bagi manfaat rakyat secara menyeluruh. Antaranya:

147. Pertama, satu **PELAN HALA TUJU STRATEGIK JOHOR BESTARI** akan dirangka bagi menjadikan Johor sebuah negeri berteraskan Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0). Menerusi pelan ini, gagasan pintar akan dilaksanakan merangkumi pelbagai sektor seperti *Smart Governance*, *Smart City* dan *Smart Disaster Management* (dengan izin).
148. Kedua, kerajaan negeri akan menubuhkan **MAJLIS KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA NEGERI JOHOR** yang akan melaksanakan pelan tindakan dan menyelaraskan segala inisiatif berkaitan sektor ICT di Negeri Johor.
149. Ketiga, kerajaan negeri menyokong inisiatif Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi melancarkan **PELAN GENTIAN OPTIK DAN KESALINGHUBUNGAN NEGARA (NFCP)** untuk menyokong ekonomi digital yang dijangka memberi manfaat kepada 4.14 juta premis di samping dapat mewujudkan 20 ribu peluang pekerjaan di seluruh negara. Inisiatif NFCP ini turut menyasarkan ketersediaan jalur lebar berkapasiti gigabit di kawasan perindustrian terpilih dan di semua ibu negeri menjelang tahun 2023.
150. Keempat, kerajaan negeri akan menstruktur dan memperkasakan semula **JAWATANKUASA INDUK INFRASTRUKTUR TELEKOMUNIKASI NEGERI JOHOR** bagi melaksanakan inisiatif NFCP. Jawatankuasa ini berperanan untuk mengawal selia pembangunan infrastruktur telekomunikasi bagi memastikan kualiti liputan dan perkhidmatan di negeri Johor bertambah baik serta merealisasikan Pelan NFCP menjelang tahun 2023.

151. Kelima, kerajaan negeri akan membangunkan **PUSAT PEMANTAUAN DAN ARAHAN NEGERI JOHOR** (*JOHOR OBSERVATORY AND COMMAND CENTRE*) bagi membantu pentadbiran negeri dalam merancang tindakan yang bersesuaian dan membuat keputusan yang lebih cepat berdasarkan data dan maklumat yang diperolehi. Pusat ini mampu untuk menangani pelbagai isu yang berkait rapat dengan kesejahteraan rakyat seperti pengurusan bencana, pelupusan sampah, perumahan, pemantauan trafik, parkir, infrastruktur jalan, perparitan dan saliran serta peluang pekerjaan.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

152. Sememangnya sains, teknologi maklumat dan komunikasi merupakan bidang yang merangkumi segala bentuk pembangunan termasuk pertanian. Sehubungan itu, kerajaan negeri berhasrat untuk membangunkan sebuah *LIVING LAB SMART FARMING* dengan projek perintis yang akan dilaksanakan di Gelang Patah. Projek ini akan menggunakan aplikasi ICT yang berasaskan *Internet of Things* (IoT) agar petani dapat mempertingkatkan lagi hasil di samping memastikan kualiti dan kuantiti tanaman adalah lebih baik pada kos yang lebih efisien.

153. Kerajaan negeri melalui PBT dengan kerjasama IRDA di bawah inisiatif digital akan melaksanakan **SMART JOHOR**. Ini adalah suatu projek penyediaan infrastruktur yang holistik bagi melonjakkan keupayaan Negeri Johor menjadi negeri yang progresif dan pintar. Antara projek yang telah dirancang adalah:

- (i) Sistem Pengurusan Mobiliti Pintar Bersepadu.
- (ii) Sistem Pemantauan Perbandaran Iskandar Malaysia.
- (iii) Pembangunan Perpustakaan Digital bagi membudayakan bacaan buku secara digital tanpa batasan lokasi.

154. Kerajaan negeri telah menggariskan beberapa inisiatif bagi merencanakan pembangunan sains dan teknologi di Negeri Johor. Untuk tujuan tersebut, sebanyak **RM800 ribu** diperuntukkan bagi melaksanakan dua (2) inisiatif yang akan diterajui oleh Majlis Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Johor (JOSTIC) iaitu:

- Memperkasa inisiatif **LEMBAH INOVASI JOHOR** atau **JOHOR INNOVATION VALLEY (JIVe)** yang akan menjadi kesinambungan bagi pembangunan inovasi dengan kerjasama antara kerajaan negeri, institusi pengajian tinggi (IPT) dan pihak industri. Kerajaan negeri memperuntukkan dana sebanyak **RM500 ribu** bagi inisiatif ini pada tahun 2020.
- Memperkasa **PROGRAM PEMBANGUNAN SAINS, TEKNOLOGI, KEJURUTERAAN DAN MATEMATIK (STEM), TVET DAN ROBOTIK NEGERI JOHOR** secara berjadual dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri, institusi pengajian tinggi (IPT), sekolah-sekolah, agensi kerajaan serta swasta. Bagi menjayakan program ini, kerajaan negeri menyediakan peruntukan sebanyak **RM300 ribu**. Antara program yang akan dijalankan termasuklah **Johor Robotics League** dan **National Robotics League**.

MEMAJUKAN SEKTOR PELANCONGAN

155. Pada masa kini, sektor pelancongan dikenal pasti sebagai salah satu daripada sektor yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Negeri Johor yang merangkumi segmen eko dan agro, pelancongan kesihatan dan hospitaliti. Ia juga bertepatan dengan langkah kerajaan negeri untuk menganjurkan **Tahun Melawat Johor 2020** dan penganjuran **Tahun Melawat Malaysia 2020** oleh kerajaan persekutuan.
156. Secara keseluruhannya, kerajaan negeri mensasarkan seramai 8.4 juta orang pelancong bermalam daripada sasaran keseluruhan kemasukan seramai 18.4 juta orang pelawat ke Negeri Johor sepanjang tahun 2020. Limpahan impak ekonomi yang akan diperolehi Negeri Johor adalah dianggarkan sebanyak **RM29.4 bilion**.
157. Bagi menyemarakkan **Tahun Melawat Johor 2020** dan **Tahun Melawat Malaysia 2020**, kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak **RM15 juta** kepada Tourism Johor. Ia merupakan peruntukan yang tertinggi dalam sejarah berbanding peruntukan sebanyak RM3 juta hingga RM8 juta pada tahun sebelum ini. Ia akan memberi fokus kepada penambahbaikan infrastruktur pelancongan, aspek promosi dan penganjuran acara pelancongan. Antara inisiatif yang akan dilaksanakan adalah:

Pertama: MENINGKATKAN DAN MEMBANGUNKAN KEMUDAHAN ASAS di destinasi pelancongan seluruh Negeri Johor dengan kos sebanyak **RM1.3 juta**.

Kedua: MEMPROMOSI PENGANJURAN ACARA PELANCONGAN utama bertaraf domestik dan antarabangsa sepanjang tahun 2020 termasuk *signature event* (dengan izin) dengan kos sebanyak **RM1.7 juta**.

Ketiga: MEMPERHEBAT PROMOSI TARIKAN PELANCONG menerusi penyertaan ekspo, *roadshow* pameran dan misi jualan pelancongan dalam dan luar negara dengan peruntukan sebanyak **RM1.1 juta**.

Keempat: MEMPERKASA PENGIKLANAN TAHUN MELAWAT JOHOR 2020 di dalam dan di luar negara menerusi pemasaran digital dalam pelbagai medium seperti papan tanda iklan, laman sesawang, media sosial, paparan panel iklan di kawasan tumpuan ramai, penerbitan iklan di radio dan televisyen serta pengiklanan di kapal terbang, teksi dan bas dengan kos sebanyak **RM8.2 juta**.

Kelima: MEMPERLUAS AKTIVITI LAWATAN PENGENALAN PRODUK ATAU FAM TRIP (dengan izin) yang disertai oleh ejen-ejen pelancongan antarabangsa, *media influencer* (dengan izin) dan delegasi perniagaan menerusi peruntukan sebanyak **RM600 ribu**.

Keenam: Kerajaan negeri juga akan mewujudkan **INSENTIF PAKEJ PELANCONGAN TERBAIK** kepada ejen-ejen pelancongan dengan peruntukan sebanyak **RM400 ribu** bagi menggalakkan usaha mempromosikan destinasi pelancongan terpilih secara konsisten kepada para pelancong bermalam. Selain itu, peruntukan sebanyak **RM400 ribu**

juga disalurkan untuk menjayakan penganjuran *business event* (dengan izin) seperti simposium, pameran dan persidangan bertaraf antarabangsa.

158. Segmen **PELANCONGAN DESA** seperti *homestay*, *kampungstay* dan *agrostay* juga akan digalakkan kerana dapat mempamerkan keunikan budaya setempat selain meningkatkan keupayaan ekonomi penduduk tempatan. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) dengan kerjasama Tourism Johor berperanan dalam membantu menyelaraskan dan meningkatkan tahap ketersediaan *homestay*, *kampungstay* dan *agrostay* untuk menerima kehadiran pelancong.
159. Bagi menggalakkan kemasukan lebih ramai pelancong ke Negeri Johor, kerajaan negeri akan **MEMPERKENALKAN LALUAN PENERBANGAN** yang baharu melalui pintu masuk Lapangan Terbang Antarabangsa Senai. Laluan baharu tersebut merupakan tambahan kepada sebelas (11) penerbangan domestik dan tujuh (7) penerbangan antarabangsa yang sedia ada.
160. Sektor **PELANCONGAN PERUBATAN** semakin berkembang dan mempunyai potensi yang tinggi dalam membantu pertumbuhan ekonomi Negeri Johor. Statistik menunjukkan bahawa sektor ini telah mencatatkan peningkatan sebanyak 8% daripada tahun 2016 hingga 2018. Ini menunjukkan trend yang positif dan memberi impak ekonomi kepada Negeri Johor. Berdasarkan rekod pada ketika ini, terdapat tujuh (7) buah hospital yang berdaftar dengan *Malaysia Healthcare Travel Council* (MHTC) daripada 12 buah hospital swasta di Negeri Johor. *Tourism Johor* akan bekerjasama erat dengan MHTC bagi memastikan lebih banyak hospital swasta di Johor menjadi ahli MHTC yang menawarkan pelbagai

kemudahan dan faedah seperti promosi melalui program pemasaran antarabangsa dan sebagainya.

161. Kerajaan negeri akan menjalinkan hubungan kerjasama antara sektor awam dan swasta serta pemain industri pelancongan bagi menerokai **PRODUK PELANCONGAN YANG BAHARU**. Ia bertujuan untuk menambah produk pelancongan di Negeri Johor seperti pembangunan taman tema berasaskan salji di Iskandar Puteri dan lain-lain lagi.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

162. Sejar dengan kempen Tahun Melawat Malaysia 2020, pihak **Tourism Malaysia Wilayah Selatan** memberi penekanan '**Kempen Cuti-Cuti Malaysia**' melalui pelbagai media sosial bagi tujuan promosi lebih kreatif dan menarik. Pihak Tourism Malaysia turut membantu penggiat industri pelancongan tempatan di Negeri Johor dengan menyediakan geran padanan bagi program **Galakan Melancong (GAMELAN)** untuk lebih proaktif dan agresif dalam mempromosikan Johor di peringkat domestik dan antarabangsa. Ini selaras dengan Dasar Pelancongan Negara 2020-2030.
163. Pihak MOTAC Negeri Johor juga telah menyediakan beberapa inisiatif untuk menyemarakkan kempen Tahun Melawat Malaysia 2020 dan Tahun Melawat Johor 2020 dengan mempergiatkan pembangunan industri pelancongan serta dasar dan polisi pelesenan pelancongan. Antaranya:

Pertama: Program **Pengalaman Homestay Malaysia** dan *Visit MyKampung* di bawah elemen *Voluntourism* (dengan izin) bagi menjana

ekonomi masyarakat luar bandar sekali gus menggalakkan kelestarian pelancongan berasaskan komuniti di kawasan luar bandar.

Kedua: Inisiatif tabung khas pelancongan dan pengiktirafan **Malaysia Tourism Quality Assurance (MyTQA)** bagi membantu usahawan dan pengusaha membangunkan dan mempromosikan produk pelancongan di samping dapat meningkatkan keyakinan para pelancong terhadap kualiti dan perkhidmatan produk pelancongan yang ditawarkan.

Ketiga: Mengembangkan pembangunan kerjaya di dalam sektor pelancongan melalui institusi-institusi latihan pelancongan yang secara langsung dapat menyumbang kepada pembangunan modal insan negara.

Keempat: Menggalakkan pertumbuhan ekonomi berasaskan pelancongan dengan melesenkan syarikat-syarikat agensi pelancongan bagi menjamin kelestarian industri pelancongan negara.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

MEMPERKASA SEKTOR KEUSAHAWANAN

164. Memahami pelbagai cabaran yang wujud dalam bidang keusahawanan, kerajaan negeri mengambil beberapa langkah strategik bagi menjayakan agenda keusahawanan di Negeri Johor. Ia dimulakan dengan membangunkan **PUSAT DATA USAHAWAN JOHOR** menerusi Perbadanan Usahawan Johor Berhad (PUJB). Pusat data ini bertujuan untuk memperkukuhkan lagi ekosistem bidang keusahawanan di Negeri Johor. Ia akan menjadi pangkalan data utama yang mengumpul, merekod dan mengurus segala sumber data dan maklumat berkaitan usahawan bagi

meningkatkan keberkesanan, keupayaan dan daya saing dalam bidang keusahawanan. Untuk tujuan tersebut, kerajaan negeri memperuntukkan dana sebanyak **RM500 ribu**.

165. Kerajaan negeri juga akan meneruskan **PROGRAM PERINTIS KEUSAHAWANAN JOHOR** yang memfokuskan pembangunan produk pertanian. Program ini adalah untuk menggalakkan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) meningkatkan kualiti produk sekali gus dapat menambah nilai produk tempatan. Disasarkan seramai **130 orang usahawan baharu** akan menerima manfaat daripada program ini.
166. Kerajaan negeri juga komited bagi menyediakan ekosistem keusahawanan yang lengkap dan sistematik. Kerajaan negeri bersetuju memberi galakan dan pengiktirafan kepada golongan usahawan menerusi **MAJLIS ANUGERAH KEUSAHAWANAN JOHOR 2020**. Majlis ini diadakan dengan kerjasama PUJB bagi mengiktiraf pencapaian usahawan Johor dalam bidang yang mereka ceburi. Pengiktirafan ini mampu menjadi perangsang dan motivasi kepada usahawan yang turut menyumbang kepada kemajuan negeri dan rakyat Johor.
167. Untuk memastikan bidang keusahawanan terus menjadi agenda terpenting, kerajaan negeri akan menganjurkan **FESTIVAL ISLAM ANTARABANGSA JOHOR 2020** buat kali kedua. Dana sebanyak **RM1 juta** diperuntukkan bagi menjayakan festival berimpak tinggi ini. Kerajaan negeri turut mahu program ini ditambah baik bagi memastikan

penglibatan lebih ramai usahawan sekali gus mendapat peluang dan manfaatnya. Program ini dijangka menarik seramai 65 ribu orang pengunjung dan menjana hasil jualan bernilai lebih **RM2 juta**.

168. **GERAN ORANG LOKAL (GOL 2.0)** merupakan satu lagi inisiatif kerajaan negeri untuk memperkasa golongan belia dalam bidang keusahawanan. Inisiatif GOL 2.0 bertujuan meningkatkan daya saing usahawan belia yang meliputi bantuan untuk pembelian peralatan pembuatan dan penghasilan produk bagi meningkatkan produktiviti dan kualiti barangan. Bagi menjayakan matlamat ini, kerajaan negeri menyediakan peruntukan sebanyak **RM1.1 juta** bagi memperkasa usahawan belia.

169. Usahasama di antara agensi adalah amat penting dalam mewujudkan sinergi berdasarkan kepakaran masing-masing. Dalam konteks ini, kerjasama strategik akan dibentuk antara SME Corp dengan PUJB menerusi satu program khas iaitu **PROGRAM PEMULIHAN, PEMERKASAAN DAN PENINGKATAN (3P)**. Peruntukan sebanyak **RM1 juta** diberikan untuk mengadakan latihan bersiri yang komprehensif bagi golongan usahawan bersasar. Program ini melibatkan golongan usahawan yang benar-benar berminat, berbakat besar dan berdaya juang tinggi. Latihan intensif ini bertujuan melengkapkan golongan usahawan dengan pelbagai kompetensi termasuklah pengurusan kewangan syarikat, pembangunan perniagaan, pemasaran dan lain-lain lagi.

MERAKYATKAN SEKTOR KOPERASI

170. Kerajaan negeri menyedari pembangunan usahawan dan pemerksaan koperasi mampu meningkatkan kualiti dan taraf hidup rakyat di Negeri Johor. Untuk memastikan rakyat menikmati hidup bahagia, penjanaaan pendapatan melalui kegiatan keusahawanan merupakan suatu keperluan untuk dimajukan. Koperasi pula perlu memperluaskan peranan dengan menawarkan produk yang berkualiti, mampu milik, mampu pakai dan mampu guna kepada pengguna.
171. Koperasi diberi tanggungjawab yang lebih besar untuk turut terlibat dalam perniagaan berskala besar bagi menjana pendapatan yang lebih tinggi. Kesemua ini akan berjaya sekiranya kegiatan koperasi dapat difokuskan kepada aktiviti bernilai dan berimpak tinggi seperti dalam industri minyak dan gas.
172. Kerajaan negeri juga komited untuk memperkasakan agenda pembangunan **KOPERASI**. Menerusi gerakan koperasi ini, ia akan melibatkan penyertaan lebih ramai masyarakat dalam sektor perniagaan. Justeru, kerajaan negeri bersetuju menyediakan peruntukan sebanyak **RM2.5 juta** bagi menjayakan beberapa inisiatif pembangunan koperasi di Negeri Johor. Antaranya:
- i. **Pertama**, pemerksaan **KOPERASI KOMUNITI JOHOR**. Inisiatif ini adalah berasaskan geran padanan yang akan diberikan berdasarkan bidang perniagaan dan kesesuaian sesebuah koperasi.
 - ii. **Kedua**, kerjasama strategik dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) bagi membangunkan **KEDAI KOPERASI**

HARGA PATUT di kawasan **penempatan golongan B40** dan **M40** di Negeri Johor.

- iii. **Ketiga**, bagi menarik minat golongan anak muda menceburi sektor koperasi dan membantu modal perniagaan atau *start-up grant*, disasarkan sebanyak dua (2) buah **KOPERASI BELIA** akan ditubuhkan di setiap daerah di Negeri Johor. Ini bermakna, secara keseluruhannya sebanyak 20 buah koperasi belia akan diwujudkan.
- iv. **Keempat**, kerajaan negeri akan meneruskan program **AZAM USAHAWAN MUDA JOHOR** bagi menyuburkan semangat keusahawanan di kalangan pelajar-pelajar sekolah sejajar dengan Dasar Keusahawanan Negara 2030 yang berhasrat menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara keusahawanan.

MENINGKATKAN TAHAP PENYEDIAAN UTILITI AIR

- 173. Pembangunan prasarana utiliti amat penting bagi menyokong pertumbuhan ekonomi di Negeri Johor. Kerajaan negeri memandang serius soal penyediaan bekalan air kepada rakyat Johor. Bagi menjamin kestabilan bekalan air mentah, kerajaan negeri menyediakan dana sebanyak **RM500 ribu** untuk menjalankan **KAJIAN PENYALURAN AIR MENTAH SUNGAI SEDILI KE LOJI RAWATAN AIR (LRA) GEMBUT**.
- 174. Pada masa kini, bandar raya Johor Bahru telah melalui fasa pembangunan dan pemodenan yang begitu pesat. Bagi meningkatkan kemampuan bekalan air mentah, dana sebanyak **RM7 juta** telah diperuntukkan bagi **PENYALURAN AIR MENTAH melalui infra LAYANG 2 FASA 2**.

175. Selain itu, dana sejumlah **RM300 ribu** diperuntukkan bagi mengatasi masalah **BEKALAN AIR MENTAH** untuk manfaat penduduk di Pulau Tinggi, daerah Mersing.
176. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, empangan Kahang yang telah siap dibina pada tahun 2017 bertindak secara kontigensi menyelesaikan gangguan bekalan air di daerah Kluang. Kerajaan negeri telah mengeluarkan peruntukan sebanyak RM54 juta bagi menyempurnakan kerja-kerja penyaluran air mentah dari empangan tersebut ke **LOJI RAWATAN AIR (LRA) SEMBRONG TIMUR**. Kerajaan negeri juga komited dengan menyediakan peruntukan sebanyak **RM40 juta** bagi membina **LOJI RAWATAN AIR (LRA) KAHANG**. Apabila siap kelak, Loji Rawatan Air (LRA) Kahang akan menjadi loji rawatan air pertama yang dimiliki oleh kerajaan negeri. Inisiatif ini akan mengurangkan kebergantungan dalam bentuk hutang penyediaan infra air.
177. Kerajaan negeri juga menyedari kewujudan cuaca panas kering tanpa hujan dan fenomena El-Nino yang turut mengundang jerebu. Musim panas kering yang panjang ini juga memberi kesan langsung kepada penyusutan bekalan air mentah dan kemampuan menyimpan air mentah di empangan-empangan di seluruh Negeri Johor. Justeru, bagi menangani fenomena perubahan cuaca ini, kerajaan negeri menyediakan peruntukan sebanyak **RM1 juta** bagi menjalankan aktiviti **PEMBENIHAN AWAN** pada tahun 2020.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

TERAS KETIGA: MELESTARI ALAM SEKITAR

178. Kelestarian alam sekitar telah menjadi tema utama pembangunan dalam RMK-12. Hal ini amat penting untuk ditangani bagi mewujudkan pembangunan bersepadu dan holistik. Oleh itu, saya ingin menegaskan bahawa kerajaan negeri akan menjadikan alam sekitar sebagai salah satu agenda utama dalam pengisian pembangunan Negeri Johor. Dengan kerjasama kerajaan persekutuan, kerajaan negeri akan bertindak tegas dan tidak akan berkompromi terhadap pelaku yang menyebabkan masalah pencemaran alam sekitar. Kita tidak mahu kehidupan rakyat terjejas akibat pencemaran alam sekitar sepertimana yang berlaku di Pasir Gudang.
179. Kerajaan negeri amat menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada Duli Yang Amat Mulia (DYAM) Tunku Mahkota Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Pemangku Raja yang telah berkenan berangkat ke Kota Iskandar pada 18 Ogos 2019 bagi mendapatkan taklimat khas berhubung isu pencemaran sungai-sungai di Negeri Johor. Keprihatinan Duli Yang Amat Mulia (DYAM) Pemangku Raja mengenai isu pencemaran sungai dan bekalan air mentah di Negeri Johor ini, disusuli dengan keberangkatan lawatan kerja Baginda Tunku menyusuri Sungai Skudai pada 21 Ogos 2019 dan ke Baraj Sungai Johor di daerah Kota Tinggi pada 26 Oktober 2019. Sesungguhnya keberangkatan Duli Yang Amat Mulia (DYAM) Pemangku Raja ini menzahirkan kesungguhan yang mendalam terhadap isu-isu alam sekitar yang melibatkan kepentingan dan kesejahteraan rakyat jelata.

180. Bagi menangani masalah alam sekitar ini, kerajaan negeri telah menubuhkan **JAWATANKUASA TETAP ALAM SEKITAR NEGERI JOHOR** yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Kesejahteraan Bandar dan Alam Sekitar. Jawatankuasa ini ditubuhkan bagi memastikan tindakan bersepadu daripada setiap jabatan dapat dilaksanakan melibatkan aspek penguatkuasaan, pengawasan dan kesedaran. Insiden pencemaran sisa toksik di Sungai Kim-Kim menyebabkan gangguan kesihatan terhadap pelajar-pelajar sekolah di kawasan Pasir Gudang. Sehubungan itu, Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah meningkatkan penguatkuasaan ke atas punca-punca industri di Pasir Gudang terutama industri berasaskan kimia. Sebanyak 266 pemeriksaan telah dijalankan ke atas premis-premis industri di mana sejumlah 146 kompaun, 61 Notis Arahan dan 13 Perintah Tahanan Operasi telah dikeluarkan. Manakala terdapat lima (5) kes yang telah disyorkan untuk Tindakan Mahkamah.
181. Sepanjang tahun 2019, secara keseluruhannya Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Johor telah mengeluarkan sebanyak **632 kompaun dan 103 Kertas Siasatan** dibuka untuk tindakan mahkamah ke atas pesalah alam sekitar bagi memastikan pematuhan sepenuhnya kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.
182. Di samping itu, **JAWATANKUASA PEMANTAUAN DAN PENYELESAIAN PENCEMARAN SUNGAI** juga ditubuhkan dengan penekanan utama diberikan kepada sungai-sungai kritikal tercemar seperti Sungai Skudai dan Sungai Tebrau.

183. Antara inisiatif lain yang telah dan akan dijalankan bagi mengatasi masalah pencemaran sungai adalah seperti berikut:

- i. Penambahan tiga (3) **STESAN PEMANTAUAN KUALITI AIR** di Sungai Skudai, Sungai Ulu Sedili Besar dan Sungai Johor, dengan kos sebanyak **RM500 ribu** setahun yang akan disalurkan kepada pihak Badan Kawal Selia Air Negeri Johor (BAKAJ).
- ii. Pembelian dua (2) buah **BOT PENGUTIP SAMPAH** bagi pembersihan sungai secara fizikal dengan kos berjumlah **RM3 juta**. Bot-bot tersebut akan digunakan di Sungai Tebrau dan Sungai Skudai.

Bagi pihak kerajaan negeri, patik menjunjung setinggi-tinggi kasih dan penghargaan kepada Duli Yang Amat Mulia (DYAM) Pemangku Raja di atas perkenan Baginda Tunku untuk mengurniakan semula insentif sebanyak **RM500 ribu** yang diterima oleh Johor Darul Ta'zim atas kejayaan menjuarai Piala Malaysia 2019 bagi tujuan membiayai pembelian bot pengutip sampah ini.

- iii. Pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor dan PBT akan membuat **PELAPORAN DAN PEMANTAUAN BERKALA** terhadap kilang, premis dan industri pengeluar sisa berjadual serta kimia.
- iv. Mempertingkatkan penguatkuasaan dengan penglibatan bersama daripada pelbagai jabatan di samping penglibatan NGO dan komuniti setempat dalam aktiviti pemuliharaan sungai.
- v. Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) juga komited dan mengambil langkah dinamik dengan menyediakan **RANCANGAN KAWASAN KHAS (RKK) SUNGAI SKUDAI**

bagi memastikan pembangunan dan guna tanah di sekitar kawasan sungai dikawal.

- vi. Isu pencemaran sungai dan langkah untuk mengatasinya secara bersepadu antara agensi akan menjadi agenda tetap di dalam **MESYUARAT JAWATANKUASA TINDAKAN DAERAH** di mana Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) daerah bertindak sebagai urusetia.
- vii. Melaksanakan projek pemetaan udara menggunakan **APLIKASI TEKNOLOGI LiDAR - *Light Detection And Radar*** dan foto udara (**Airborne**) bagi mewujudkan sistem pangkalan data terkini, komprehensif serta tepat bagi pengurusan pencemaran sungai di kawasan Pasir Gudang. Peruntukan sebanyak **RM1 juta** diberikan kepada pihak BAKAJ untuk melaksanakannya.
- viii. Perbadanan Bioteknologi dan Biodiversiti Negeri Johor (J-Biotech) akan melaksanakan inisiatif kerja-kerja pemeliharaan sungai di Negeri Johor dengan mengaplikasikan **TEKNOLOGI MIKROB “J-BIOTECH ACTIVE”** yang berfungsi untuk memelihara dan meningkatkan kualiti air sungai. Teknologi Mikrob ini mengandungi sembilan (9) jenis mikro organisma dan perbelanjaan sebanyak **RM500 ribu** akan diperuntukkan kepada pihak J-Biotech bagi tujuan ini.
- ix. Pihak MESTECC sedang menjalankan **KAJIAN CARRYING CAPACITY PENCEMARAN** di Pasir Gudang dengan melibatkan kepakaran teknikal daripada pihak Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebagai pelaksana dan bersama-sama agensi dan jabatan kerajaan negeri seperti Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor (BPENJ), BAKAJ, Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG), JAS Johor dan JPS Johor. Kesemua maklumat yang

diperolehi dari semua jabatan dan agensi akan dikongsi bersama untuk diambil tindakan penyelesaian secara bersepadu.

184. Sebagai tindakan lanjut pemuliharaan sumber air permukaan (*surface water*), **PROGRAM SATU DAERAH SATU SUNGAI** akan menitikberatkan pemuliharaan sungai sebagai sumber yang sepatutnya dikongsi manfaatnya bersama generasi akan datang. Program perintis JPS ini akan menumpukan aktiviti pemuliharaan ke atas sungai terpilih di setiap daerah dengan peruntukan sebanyak **RM3.3 juta**.
185. Umum mengetahui, fenomena perubahan iklim dunia telah menyebabkan paras air di semua empangan Negeri Johor mengalami kemerosotan secara mendadak. Namun, musim kemarau ini berakhir dengan musim hujan apabila berlakunya perubahan monsun di penghujung tahun. Justeru, pihak JPS akan melaksanakan **13 PROJEK TEBATAN BANJIR** di seluruh Negeri Johor dengan peruntukan sebanyak **RM6 juta** yang bertujuan untuk memitigasi kejadian dan risiko banjir. Dana ini boleh digunakan untuk pengurusan saluran termasuklah kerja-kerja menaiktaraf parit Taman Nakhoda, Sungai Lengan Baju di daerah Mersing sebanyak **RM1.2 juta** dan projek tebatan banjir Kampung Parit Haji Hashim di daerah Batu Pahat sebanyak **RM1.5 juta**.
186. Selain itu, kesan kemaraan air laut turut memberikan impak kepada bentuk muka bumi Negeri Johor. Fenomena ombak besar menjadikan kawasan pantai terhakis. Dengan peruntukan sebanyak **RM45 juta**, pihak

JPS akan melaksanakan **PROJEK MENINGGIKAN BENTENG PANTAI** di daerah Batu Pahat dan Pontian bagi mengelakkan kemusnahan harta benda akibat penerobosan air laut.

187. Selain itu, kerajaan negeri juga menggubal **PELAN TINDAKAN KESIHATAN ALAM SEKITAR NEGERI JOHOR (SEHAP)** untuk memperkukuh kerjasama pelbagai sektor yang berkaitan dengan aspek kualiti alam sekitar dan kesihatan awam.
188. Pada masa ini, kerajaan negeri telahpun menubuhkan **MAJLIS RENDAH KARBON NEGERI JOHOR** yang diterajui bersama oleh BPENJ, PLANMalaysia Johor dan IRDA. Majlis ini bertindak sebagai platform bagi membincangkan inisiatif dan perancangan aktiviti berkaitan rendah karbon. Usaha-usaha rendah karbon yang telah dimulakan dahulu oleh IRDA di lima (5) PBT di Iskandar Malaysia telah mendapat pengiktirafan antarabangsa di bawah Global Covenant of Mayors for Climate and Energy (GCoM) (dengan izin). Sehubungan itu, inisiatif ini akan diperluaskan ke semua PBT Negeri Johor bagi ke arah pementapan dasar dan polisi pada masa hadapan.
189. Di bawah Majlis Rendah Karbon Negeri Johor, setiap PBT perlu melaksanakan lima (5) tindakan berkenaan inisiatif rendah karbon di kawasan masing-masing pada tahun 2020. PBT juga perlu mewujudkan peruntukan khas bagi tujuan kegunaan inisiatif dan aktiviti rendah karbon. Selain itu, kerajaan negeri akan melaksanakan **INISIATIF MENGHINDARI PENGGUNAAN BEKAS PEMBUNGKUSAN MAKANAN DAN CAWAN MINUMAN POLISTRENA SERTA**

PENYEDUT MINUMAN PLASTIK diberi berdasarkan permintaan di semua premis seluruh Negeri Johor bermula Januari 2020. Tempoh pendidikan kepada masyarakat sehingga Jun 2020 dan penguatkuasaan penuh akan dilaksanakan bermula Julai 2020.

190. Dalam agenda mengurangkan pelepasan karbon, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Pengerang akan melaksanakan inisiatif menggalakkan para pelabur membawa pelaburan berorientasikan teknologi atau infrastruktur yang berasaskan penggunaan **KENDERAAN ELEKTRIK** di kawasan Pengerang.
191. Kerajaan negeri juga mempelopori **INISIATIF PEMASANGAN SOLAR PANEL** di bangunan kerajaan dan solar terapung di empangan. Penggunaan sistem tenaga solar dapat menjimatkan penggunaan tenaga ke arah pertumbuhan hijau. Satu projek perintis solar terapung juga akan diusahakan di empangan Sungai Lebam.
192. **PEMASANGAN SISTEM PANEL SOLAR** juga akan dilaksanakan di Pusat Pentadbiran Kota Iskandar. Inisiatif ini boleh mengurangkan bebanan kewangan dalam bentuk bayaran bil elektrik yang ditanggung kerajaan negeri. Inisiatif ini juga mampu menjadikan Kota Iskandar lebih mesra alam dan menyumbang kepada pembangunan lestari. Pada masa hadapan, inisiatif ini akan diperluaskan kepada seluruh pusat pentadbiran kerajaan di seluruh Negeri Johor.

193. Kawasan-kawasan hutan mempunyai daya tarikan tersendiri yang mampu melahirkan kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya mengekalkan dan memelihara sumber asli. Kita perlu wariskannya kepada generasi akan datang agar mereka dapat menikmati keindahan alam sekitar. Justeru, kerajaan negeri telah memperuntukkan dana **RM1.2 juta** dalam **PEMBANGUNAN TAMAN EKO RIMBA DAN EKO-PELANCONGAN** selain **RM1 juta** bagi **PEMBANGUNAN HUTAN TAMAN NEGERI DAN EKO-PELANCONGAN**.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Sebelum saya meneruskan pembentangan Belanjawan Johor 2020, saya ingin menarik perhatian semua ahli Dewan yang mulia ini tentang beberapa perkara yang amat signifikan berkaitan Negeri Johor. Walaupun kerajaan negeri baru dua (2) tahun diterajui oleh Pakatan Harapan, terdapat beberapa penegasan yang ingin saya jelaskan. Antaranya:

- i. Pembangunan pesat yang kita perolehi masa kini menghasilkan kemajuan yang berimpak tinggi. Sesungguhnya, kita semua terhutang budi kepada Almarhum Sultan Abu Bakar yang telah mengasaskan pembangunan dan pemodenan Johor. Legasi tersebut diteruskan oleh Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Tuanku dan Duli Yang Amat Mulia (DYAM) Pemangku Raja menerusi misi, visi dan tilik pandang yang mendalam.
- ii. Seluruh barisan kepimpinan yang menganggotai Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor, Jumaah Majlis Diraja dan Perkhidmatan Awam Negeri Johor (JCS) mempunyai iltizam yang tinggi untuk

menjayakan dasar-dasar kerajaan demi memajukan Bangsa Johor yang bestari.

- iii. Peralihan kuasa yang berlaku pada bulan Mei 2018 menunjukkan sikap profesionalisme yang tinggi dizahirkan dalam Perkhidmatan Awam Negeri Johor yang bernaung di bawah Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Tuanku. Malah, Bagindalah Sultan pertama yang menitahkan agar peralihan kuasa dijalankan dengan cepat dan tertib demi kepentingan rakyat keseluruhannya.
- iv. Pencapaian kerajaan negeri amatlah membanggakan berdasarkan perancangan dan pelaksanaan titik fokus yang dibuat secara strategik. Kejayaan ini terhasil daripada sinergi pelbagai *stakeholders* (dengan izin) melibatkan agensi kerajaan negeri, kerajaan persekutuan, pihak swasta dan NGO. Pencapaian terbaik ini, semata-mata untuk memenuhi impian rakyat Johor.
- v. Kerajaan negeri beriltizam melaksanakan pelbagai transformasi untuk menjadikan Johor sebagai sebuah negeri maju berprestasi tinggi dengan berpegang teguh dan mendaulatkan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor 1895 dengan cogan kata “Kepada Allah Berserah” dan “Muafakat itu Berkat”.
- vi. Barisan kepimpinan negeri sentiasa melaksanakan inisiatif “turun padang” dan mengadakan sesi libat sama atau *engagement* (dengan izin) ke semua daerah. Kita akan memastikan tiada sebuah daerah pun yang akan ketinggalan dalam pembentukan Negeri Johor yang maju dan inklusif.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

**TERAS KEEMPAT: MEMBANGUN MODAL INSAN DAN
MEMPERKASA SYIAR ISLAM**

194. Kerajaan Negeri Johor berazam untuk memperkasa pembangunan modal insan berkemahiran tinggi dengan menjadikannya sebagai salah satu teras utama dasar pembangunan negeri. Beberapa langkah strategik telah dikenal pasti meliputi aspek pendidikan dan sumber manusia, sains dan teknologi, daya saing ekonomi, globalisasi perdagangan, pembangunan sektor perkhidmatan, nilai dan etika serta perpaduan nasional.
195. Pembangunan modal insan juga melibatkan penyusunan semula guna tenaga selaras dengan matlamat yang digariskan khususnya yang berkaitan populasi, guna tenaga, kesihatan, pendidikan, serta latihan dan pembangunan insaniah. Antara inisiatif utama yang terdapat dalam teras **MEMBANGUN MODAL INSAN DAN MEMPERKASA SYIAR ISLAM** adalah:

PERTAMA: MEMPERKASA SYIAR ISLAM

196. Fasal 57 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895 memuktubkan agama Islam sebagai ‘agama negeri’ berpanjangan dan berkekalan selama-lamanya. Dalam memastikan syiar **agama Islam** terus berkembang di Negeri Johor, beberapa langkah strategik akan dilaksanakan pada tahun 2020. Antaranya

197. Kerajaan Negeri Johor akan memberi perhatian utama kepada pembangunan prasarana pendidikan agama di Negeri Johor. Sebagai buktinya pada tahun 2020, kerajaan negeri menyediakan peruntukan sebanyak **RM41 juta** bagi tujuan **PEMBANGUNAN DAN MEMBAIK PULIH SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA KERAJAAN JOHOR** di seluruh negeri ini.
198. Kerajaan negeri juga amat prihatin tentang isu berkaitan tanah perkuburan Islam khususnya di daerah Johor Bahru. Justeru, pelaksanaan **PROJEK PEMBANGUNAN PERKUBURAN BERSEPADU NEGERI JOHOR** akan diperkasakan. Beberapa inisiatif akan dijalankan dengan cadangan pembangunan, pemuliharaan dan membaikpulih di tujuh (7) buah daerah dengan kos sebanyak **RM500 ribu**. Inisiatif ini melibatkan pembangunan secara holistik termasuk melalui penggunaan teknologi moden dan inisiatif digital.
199. Selain itu, Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) berusaha memperkukuhkan kefahaman dan penghayatan rakyat terhadap Sistem Kesultanan Johor Moden. Bagi meningkatkan kefahaman mengenai institusi sistem **KESULTANAN ISLAM JOHOR**, silibus baharu akan diperkenalkan secara berperingkat di Sekolah-sekolah Agama Johor bermula Januari 2020. Menerusi proses pengajaran dan pembelajaran ini, diharapkan para pelajar dapat menghayati Sistem Kesultanan Johor Moden di samping memperkukuh jati diri rakyat sebagai Bangsa Johor.
200. Dalam menjana pembangunan modal insan, pada masa ini terdapat dua (2) buah pusat pendidikan tinggi yang ditadbir oleh kerajaan negeri iaitu

Kolej Pengajian Tinggi Islam Johor (MARSAH) dan Kolej Yayasan Pelajaran Johor (KYPJ). Dalam hal ini, Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) sedang meneliti untuk menaiktaraf **MARSAH KEPADA KOLEJ UNIVERSITI ISLAM JOHOR**. Inisiatif ini bertujuan mengembangkan syiar Islam menerusi pendidikan tinggi. Di samping itu, ia memberi peluang kepada pelajar-pelajar aliran agama melanjutkan pelajaran ke peringkat pendidikan tinggi.

201. Kerajaan negeri juga komited bagi memastikan syiar Islam terus diperkasakan. Sehubungan itu, sebanyak **RM2.15 juta** akan diperuntukkan bagi tujuan **PEMBANGUNAN, BAIK PULIH, KELENGKAPAN KEMUDAHAN DAN PENYELENGARAAN MASJID-MASJID SERTA SURAU-SURAU** di seluruh Negeri Johor. Selain itu, dalam usaha memastikan institusi pengurusan masjid berjalan dengan teratur dan sistematik, kerajaan negeri bersetuju untuk menilai semula dan mengkaji kenaikan elaun bagi imam-imam masjid dan surau seluruh negeri Johor.
202. Selaras dengan **Dasar Halal Negara**, kerajaan negeri turut memberikan penekanan dan menggandakan usaha bagi memperkasa industri halal di Negeri Johor. Kerajaan negeri berhasrat membangunkan **HAB HALAL UTAMA** di rantau Asia Tenggara dan dalam perkara ini, kerajaan negeri telah menubuhkan Majlis Halal Negeri Johor dengan kerjasama agensi yang berkaitan bagi memacu inisiatif berkaitan halal dan pertumbuhan ekonomi dalam kalangan umat Islam.
203. Dalam usaha menangani kos hidup dan memelihara kesejahteraan masyarakat Islam melalui peruntukan wang zakat, Majlis Agama Islam

Negeri Johor (MAINJ) menyediakan peruntukan sebanyak RM70 juta bagi keperluan 16 ribu asnaf fakir dan miskin yang akan menerima bantuan sara hidup ini secara bulanan. Manakala, bantuan kepada asnaf Mualaf ditambah baik melalui peruntukan sebanyak RM800 ribu sebagai bantuan persekolahan, Instituti Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Instituti Pengajian Tinggi Swasta (IPTS).

204. Bagi meringankan beban pesakit jantung dari Negeri Johor yang tidak berkemampuan untuk menjalani rawatan jantung di Institut Jantung Negara (IJN), kerajaan negeri melalui MAINJ menyediakan dana rawatan sebanyak RM500 ribu yang diletakkan di IJN yang boleh dimanfaatkan oleh mereka yang memerlukan rawatan seperti pembedahan jantung dan rawatan susulan.

205. Sebagai usaha meneruskan pembangunan fizikal di atas tanah wakaf yang berpotensi di Johor, MAINJ akan membangunkan pembinaan Sekolah Menengah Agama Tahfiz Medik Antarabangsa Negeri Johor di Seelong Johor Bahru yang akan dibangunkan melalui kutipan Saham Wakaf Johor. Pembangunannya meliputi prasarana dan kemudahan bangunan yang lengkap dalam memberi ruang pendidikan kepada pelajar dalam bidang Al Quran dan sains aliran tahfiz Al Quran di Johor.

KEDUA: MENINGKATKAN KEUPAYAAN KEMAHIRAN

206. Dalam usaha meningkatkan kebolehpasaran graduan, aspek keupayaan dan kemahiran tenaga kerja amat dititikberatkan oleh kerajaan negeri.

Justeru, peluang dan ruang juga perlu diberikan kepada rakyat dalam kalangan pemain industri untuk menyuarakan pelbagai pendapat dan persoalan berhubung pembangunan industri di Negeri Johor. Oleh itu, bagi menzahirkan hasrat tersebut, **PROGRAM SINERGI INDUSTRI** akan dilaksanakan oleh Unit Strategik Modal Insan Johor (SMI) pada tahun hadapan. Selain itu, bagi menghargai seluruh warga pekerja dan majikan yang menyumbang tenaga, bakat, kepakaran dan pengetahuan kepada pembangunan Negeri Johor, kerajaan negeri buat pertama kalinya akan memperkenalkan **MAJLIS ANUGERAH MODAL INSAN JOHOR**. Bagi kedua-dua program tersebut, kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak **RM300 ribu**.

207. Kerajaan negeri turut prihatin terhadap lambakan tenaga kerja terutamanya dalam kalangan graduan. Justeru, bagi merencanakan lagi usaha meningkatkan peluang pekerjaan dan keupayaan kemahiran dalam industri, kerajaan negeri berhasrat untuk memperkenalkan **PROGRAM GERAN PADANAN GAJI DAN LATIHAN** kepada graduan menganggur (lulusan Diploma dan Ijazah) dengan peruntukan sebanyak **RM300 ribu**. Ia melibatkan pemberian insentif bantuan kerajaan melalui latihan dan elaun sebanyak **RM1 ribu** bagi tempoh percubaan selama tiga (3) bulan.
208. Keupayaan pembelajaran institusi-institusi latihan sedia ada juga akan diperkukuhkan bagi memastikan ianya kekal relevan dengan keperluan industri. Sehubungan itu, kerajaan negeri menyediakan insentif sebanyak **RM1 juta** bagi **MEMBIAYAI PEMBELIAN PERALATAN BAHARU KEPADA PUSAT LATIHAN MILIK KERAJAAN NEGERI**.

KETIGA: FOKUS TERHADAP PENDIDIKAN DAN LATIHAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL (TVET)

209. Pembangunan negeri dan negara pada masa hadapan amat bergantung dengan pembangunan bakat profesional dalam kalangan anak muda. Justeru, kerajaan negeri mengambil beberapa inisiatif strategik pembangunan modal insan bagi memenuhi tuntutan semasa dan masa hadapan.
210. Kerajaan negeri memberikan penekanan terhadap latihan berterusan untuk meningkatkan bilangan tenaga kerja mahir di Negeri Johor, selaras dengan keperluan industri semasa. Bagi tujuan tersebut, dengan mensasarkan belia dari pelbagai lapisan masyarakat, peruntukan sebanyak **RM2 juta** disalurkan kepada unit SMI bagi meneruskan pelaksanaan program **JOHOR UPSKILLING AND RESKILLING 2020**.
211. Selain itu, kerajaan negeri berusaha untuk memastikan keberkesanan projek pembangunan modal insan yang dijalankan. Justeru, **PROGRAM JELAJAH TVET NEGERI JOHOR 2020** akan diteruskan dengan peruntukan sebanyak **RM350 ribu** bertemakan “**Generasi Berkemahiran Tinggi, Peneraju Johor Bestari**”. Program ini akan merangkumi Pertandingan World Skills Malaysia Johor (WSMJ) (dengan izin) yang julung kalinya diadakan.
212. Seterusnya, melalui Kumpulan Pendidikan YPJ, kerajaan negeri menyediakan peruntukan sebanyak **RM2.5 juta** untuk **TABUNG**

PUSINGAN DANA LATIHAN KEMAHIRAN. Sebanyak **RM2 juta** disumbangkan oleh kerajaan negeri dan **RM500 ribu** daripada Kumpulan Pendidikan YPJ. Dana ini bertujuan untuk membiayai program-program latihan kemahiran jangka pendek dan sederhana dengan pensijilan kompetensi atau profesional dari dalam dan luar negara. Program ini dijangka memberi manfaat kepada seramai **500 orang** daripada kalangan anak muda Johor.

KEEMPAT: PENDIDIKAN INKLUSIF

213. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) turut memberi perhatian kepada pembangunan pendidikan di Negeri Johor. Ia bertujuan untuk menyediakan akses dan kemudahan pendidikan termasuklah di luar bandar. Antara inisiatif kementerian yang akan dilaksanakan di Johor pada tahun 2020 termasuklah **MEMBAIKI SEKOLAH-SEKOLAH DAIF** dengan kos keseluruhan bernilai **RM29 juta**, iaitu:
- i. SK Seri Maamor, Batu Pahat.
 - ii. SK Teriang, Mersing.
 - iii. SK Parit Kudus, Pontian.
 - iv. SK Mersing Kanan, Mersing.
 - v. SK Kampung Paya Besar, Segamat.
214. Kerajaan negeri juga turut memperuntukkan sebanyak **RM1 juta** bagi **BANTUAN PENYELENGGARAAN** kepada sekolah-sekolah harian Negeri Johor mengikut keperluan semasa.

215. Di samping itu, terdapat keperluan bagi menyelenggara kemudahan, sistem pendawaian elektrik dan bekalan air di sekolah-sekolah agama iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB) Negeri Johor. Inisiatif ini amat penting disebabkan banyak peralatan telah rosak dan usang. Kerajaan negeri mempunyai iltizam tinggi untuk memajukan prasarana sekolah agama ini. Untuk itu, kerajaan negeri akan memperuntukkan sebanyak **RM500 ribu** bagi program **PENAMBAHBAIKAN INFRASTRUKTUR** melibatkan Sekolah-Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK).
216. Kerajaan negeri juga mengambil berat tentang masa depan anak-anak yang merupakan generasi pembangun negeri masa hadapan. Justeru, kerajaan negeri akan menjalankan **PROGRAM DANA DIDIK JOHOR** dengan menaikkan jumlah penyaluran insentif daripada **RM50** kepada **RM100** bagi setiap bayi dalam kalangan B40. Inisiatif dana ini bertujuan untuk mendidik sifat menabung dalam kalangan masyarakat sejak kecil lagi. Menerusi program ini, peruntukan sebanyak **RM100 ribu** disediakan yang memberi manfaat kepada **1,000** bayi sebagai pelaburan pendidikan mereka pada masa hadapan.
217. Kerajaan negeri turut memberi perhatian istimewa kepada program pembangunan insan terutamanya dalam kalangan pelajar-pelajar sejak awal persekolahan lagi. Dengan ini, kerajaan negeri bersetuju menyediakan peruntukan sebanyak **RM2.5 juta** bagi menjayakan

PROGRAM PEMBANGUNAN PELAJAR NEGERI JOHOR.

Berikut adalah program yang akan dijalankan:

- i. **Program Kem Pembangunan Pelajar** sebanyak RM500 ribu.
- ii. **Program Pengayaan Bahasa** sebanyak RM500 ribu.
- iii. **Program Pembangunan Karakter Murid Johor** sebanyak RM500 ribu.
- iv. **Program Memperkasakan Kepimpinan Sekolah Pendidikan Abad Ke-21 (PAK21)** sebanyak RM500 ribu.
- v. **Program Tuisyen dan Seminar Peperiksaan** sebanyak RM300 ribu.
- vi. **Program e-Learning** sebanyak RM200 ribu pula disediakan kepada pelajar di kawasan bandar.

218. Kerajaan negeri juga menyediakan peruntukan sebanyak **RM1.2 juta** kepada YPJ bagi melaksanakan **PROGRAM PEMBANGUNAN INSAN** di kalangan Mahasiswa Johor. Pecahan programnya adalah seperti berikut:

- i. **Program Mahasiswa Harapan Johor** dengan peruntukan RM500 ribu.
- ii. **Program Persatuan Mahasiswa Anak Johor** dengan peruntukan RM500 ribu.
- iii. **Program Kem Jati Diri Mahasiswa** sebanyak RM200 ribu.

Kesemua program tersebut dijangka menghasilkan pemimpin mahasiswa berwibawa, berintegriti dan berkeperibadian mulia.

219. YPJ turut meneruskan **BANTUAN PENGAJIAN PELAJAR NEGERI JOHOR** dengan peruntukan sejumlah **RM24.1 juta** pada tahun 2020. Antara inisiatif yang diperincikan adalah seperti berikut:
- i. **Pemberian Biasiswa Kenangan Dato' Onn** dengan peruntukan RM600 ribu untuk memberi manfaat kepada 1,000 pelajar di sekolah menengah.
 - ii. **Biasiswa Sultan Ibrahim** dengan peruntukan adalah sebanyak RM300 ribu untuk Mahasiswa Johor yang cemerlang dengan mendapat Kelas Pertama (*first class*) dalam pengajian di peringkat Ijazah Pertama dan Sarjana.
 - iii. **Pinjaman Pelajaran di Institusi Pengajian Tinggi** juga akan diteruskan oleh YPJ dengan penyediaan peruntukan sebanyak RM20 juta bagi manfaat seramai 3,000 mahasiswa.
 - iv. Bagi tujuan memperkasa bidang TVET, maka YPJ melalui **Tabung Latihan Kemahiran Johor** menyediakan peruntukan sebanyak RM700 ribu untuk memberi manfaat kepada seramai 350 pelatih dalam bidang kemahiran.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

TERAS KELIMA: MENGUKUH JATI DIRI DAN MEMUGAR WARISAN BUDAYA

220. Kerajaan negeri sentiasa menitikberatkan pembangunan holistik dengan menekankan aspek pengukuhan jati diri dan warisan budaya dalam kalangan rakyat Johor. Kerajaan negeri turut berhasrat untuk memartabat

dan mengangkat sektor warisan dan kebudayaan ke peringkat global. Beberapa inisiatif telah digariskan sebagaimana berikut:

PERTAMA: WARISAN DAN BUDAYA SEBAGAI PENYUMBANG EKONOMI

221. Bagi **MEMULIHARA BANGUNAN-BANGUNAN WARISAN DAN TAPAK SEJARAH** di Negeri Johor, kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak **RM2 juta**. Antaranya ialah projek memperbaiki dan memperelok bangunan Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP) untuk dijadikan Muzium Batu Pahat dan projek memperbaiki Muzium Tokoh Johor di Bangunan Dato' Jaafar, Johor Bahru.
222. Dalam hal ini, MPBP akan menjalankan proses pemuliharaan bangunan bersejarah bermula dengan projek **KAJIAN SEJARAH WARISAN DAN MORFOLOGI BANDAR PENGGARAM**. Ia bertujuan untuk memperkukuhkan fakta sejarah dan mengekalkan nilai warisan Bandar Penggaram serta pemuliharaan senibina bangunan warisan. Langkah ini merupakan salah satu strategi kerajaan negeri untuk mewartakan tapak-tapak sejarah sebagai tapak warisan dunia.
223. Selain memperkasa aspek budaya dan warisan, **MAJLIS KEBUDAYAAN NEGERI JOHOR (MKNJ)** juga berperanan sebagai penyelaras bagi memasarkan produk keusahawanan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Negeri Johor menerusi Pusat Pengedaran Setempat.

224. Kerajaan negeri juga berhasrat mengetengahkan produk *homestay* yang masih mengamalkan warisan tradisi dengan mengiktirafnya sebagai **KAMPUNG TRADISI TAMADUN MELAYU JOHOR**. Inisiatif ini akan dilaksanakan dengan kerjasama **Tourism Johor, Yayasan Warisan Johor** dan **MOTAC** yang bertujuan untuk mempamerkan keunikan agama, budaya dan cara hidup orang-orang Melayu Johor kepada umum di samping memperkasakan pelancongan desa.

KEDUA: PENERAPAN NILAI MURNI DAN JATI DIRI

225. **PEMBENTUKAN JATI DIRI** dalam kalangan anak muda perlu dilaksanakan secara menyeluruh bagi memperkasakan jati diri dan melahirkan pemimpin pada masa hadapan. Pelbagai usaha akan dijalankan oleh Institut Integriti Kepimpinan dan Latihan Semangat Dato' Onn (IKLAS) dengan peruntukan sebanyak **RM1.6 juta**. Inisiatif yang akan dijalankan adalah mengikut kluster berikut:

- a. Kluster Menerajui Aspirasi:
 - i. **Program Bicara Millenia Johor** merupakan satu platform perkongsian pengalaman dan aspirasi bersama ikon anak muda.
 - ii. **Program Johor EdScape** yang bertujuan memberi pendedahan tentang sejarah dan pembangunan negeri kepada golongan muda.
 - iii. **Program Let's Talk TVET** bermatlamat meningkatkan kesedaran tentang potensi kerjaya berasaskan teknikal dan vokasional.

- b. Kluster Pemimpin Masa Hadapan:
- i. Program **Kemahiran Berfikir** bertujuan meningkatkan kemahiran berfikir untuk menyelesaikan masalah.
 - ii. Program **Minda Perdana** memberikan penekanan terhadap hala tuju diri yang berwawasan dan berintegriti.
 - iii. Program **Bicara Anak Muda Muttaqqin** bertujuan untuk melahirkan generasi berketrampilan dan mampu membina ummah.
- c. Kluster Peningkatan Kemahiran:
- i. Program **Pengucapan Awam** bermatlamat untuk membentuk individu berkebolehan dalam komunikasi berkesan.
 - ii. Program **Jelajah Usahawan Muda** membimbing anak muda menceburi bidang keusahawanan.
- d. Kluster Keterlibatan Anak Muda:
- i. Program **Patriotisme Anak Muda** bertujuan memberi penghayatan dan kesedaran mengenai kebebasan yang dikecapi.
 - ii. Program **Anak Muda Bersama Pemimpin**, menggalakkan anak muda prihatin terhadap masyarakat komuniti setempat.
 - iii. Program *District Youth Engagement* (dengan izin) memfokuskan belia tidak berpersatuan untuk menyertai aktiviti sosioekonomi.

KETIGA: MENINGKATKAN APRESIASI SEJARAH

226. Kaedah pemuliharaan dokumen-dokumen bersejarah berkaitan Negeri Johor akan ditambahbaik menerusi **PROJEK PENDOKUMENTASIAN SEJARAH SECARA DIGITAL DAN SISTEM PENYIMPANAN** di Pusat Dokumentasi Johor dengan peruntukan sebanyak **RM300 ribu**. Proses ini akan dijalankan secara berterusan dan mensasarkan **sebanyak 571 buah dokumen** dapat disiapkan pada tahun 2020. Inisiatif yang dijalankan melibatkan koleksi buku sejarah, Kesultanan Johor, manuskrip, kesusasteraan, tokoh Johor, tamadun Melayu, ekonomi dan dokumen-dokumen yang berkaitan.

KEEMPAT: MEMARTABATKAN SENI TAMPAK DAN SENI PERSEMBAHAN

227. Kerajaan negeri menerusi Yayasan Warisan Johor (YWJ) akan meneruskan program karnival atau festival yang menghimpunkan pelbagai bidang seni dan budaya bagi tujuan merakyatkan seni budaya dalam kehidupan masyarakat masa kini dengan peruntukan sebanyak **RM1 juta**. Antara program tersebut adalah:
- i. **FESTIVAL SENI BUDAYA JOHOR** di setiap daerah untuk mengetengahkan makanan, permainan tradisional, busana, kraftangan, persembahan muzik, nyanyian, dan tarian.
 - ii. **FESTIVAL TARI RAKYAT JOHOR** yang memartabatkan seni budaya secara menyeluruh dari peringkat akar umbi kepada semua lapisan masyarakat.

- iii. **SAREOSA BHUSANA** sebagai platform pameran evolusi pakaian tradisional dengan menampilkan keindahan pakaian Johor sekaligus menggambarkan citra dan imej serta jati diri yang kekal ke hari ini.
228. Yayasan Warisan Johor juga dipertanggungjawabkan untuk menerajui dan mengembangkan **PROGRAM PENGANTARABANGSAAN** menerusi aktiviti pertukaran budaya dan persembahan kebudayaan dalam penganjuran festival dan pameran antarabangsa yang disertai oleh kerajaan negeri.
229. Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Negeri Johor akan mempromosi aktiviti kesenian melalui penganjuran **PROGRAM SEMARAK SENI BUDAYA** dan **PROGRAM PERMAINAN TRADISIONAL** dalam kalangan belia dan penduduk kampung di setiap daerah dengan peruntukan sebanyak **RM400 ribu**.
230. Kerajaan negeri sentiasa komited untuk meneruskan program-program latihan berkaitan bidang kesenian bagi meningkatkan kemahiran dalam kalangan penggiat produk kraftangan dan kesenian menerusi peruntukan **RM500 ribu**. Antaranya adalah:
- i. **LATIHAN KAIN BENANG JOHOR (TENUNAN JOHOR)** bakal dikomersilkan secara meluas melalui institut kemahiran berkaitan bagi melahirkan lebih ramai penyambung legasi penenun di Johor.

- ii. **LESTARI SENI BUDAYA JOHOR** akan diteruskan di setiap daerah. Antara pengisiannya ialah penganjuran kelas latihan oleh tenaga pengajar terlatih dan berpengalaman untuk melaksanakan pembelajaran tarian tradisional, ghazal, seni khat, seni visual dan sebagainya.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

TERAS KEENAM: MENAMBAHBAIK TADBIR URUS YANG CEKAP DAN BERINTEGRITI

231. Kerajaan negeri amat menghargai komitmen dan dedikasi yang telah diberikan oleh penjawat awam di Negeri Johor di dalam memberikan khidmat terbaik kepada rakyat. Penjawat awam Johor telah menunjukkan sikap profesional berdasarkan prinsip *served government of the day* (dengan izin). Sesungguhnya sokongan padu dan daya usaha yang telah dicurahkan oleh penjawat awam menjadi antara faktor kejayaan pelaksanaan dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh kepimpinan kerajaan negeri. Saya berharap sokongan ini akan berterusan pada masa-masa akan datang.
232. Kerajaan negeri yang saya terajui tetap berpegang teguh untuk melaksanakan pelbagai agenda transformasi tadbir urus sepertimana yang terkandung dalam manifesto Pakatan Harapan dan Pelan Pembangunan Mampan Negeri Johor 2019-2030. Kerajaan negeri terus beriltizam untuk menambah baik dan memperkasa tadbir urus kerajaan supaya menjadi lebih cekap, berkesan dan berintegriti.

233. Sebagai usaha menyahut langkah kerajaan persekutuan dalam memperkasakan tadbir urus yang baik, kerajaan negeri telah menubuhkan **JAWATANKUASA ANTI RASUAH (JAR)** di semua peringkat jabatan di Negeri Johor.
234. Selain itu, kerajaan negeri juga sedang menyediakan **PELAN ANTI RASUAH NEGERI JOHOR** yang akan dijadikan garis panduan untuk mengenal pasti isu, masalah, penyelesaian dan langkah-langkah penambahbaikan secara berkala agar ia dapat menimbulkan kesedaran tentang kesan negatif rasuah terhadap pengurusan organisasi dan pembangunan sosial.
235. Kerajaan negeri yang berprestasi tinggi juga diukur berdasarkan keberkesanan sistem penyampaian kerajaan. Justeru, kerajaan negeri amat menitikberatkan perkhidmatan awam yang cekap, berintegriti dan mesra rakyat. Komitmen ini bagi memastikan prestasi perkhidmatan awam di Negeri Johor memenuhi tuntutan dan harapan pemegang taruh. Sehubungan itu, kerajaan negeri akan merangka **PELAN STRATEGIK PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR 2020-2024**.
236. Pihak kerajaan negeri sentiasa berusaha untuk meningkatkan tahap kompetensi dan profesionalisme penjawat awam di Negeri Johor. Sehingga kini beberapa program telah disertai oleh penjawat awam sebagaimana berikut:
- i. Seramai 46 orang Pegawai Tadbir Negeri Johor telah menamatkan pengajian di peringkat Sarjana Pentadbiran Tanah dan Sarjana Sains Pentadbiran Perniagaan menerusi kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada tahun 2016 dan 2018.

- ii. Seramai 324 orang pegawai terdiri daripada pegawai-pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional serta kumpulan Pelaksana telah berjaya menamatkan pengajian di peringkat sijil profesional menerusi kerjasama bersama pihak UTM, Universiti Teknologi Tun Hussein Onn Malaysia (UTM) dan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Wilayah Selatan sejak tahun 2017 hingga 2019.
- iii. Pada masa kini, suka saya memaklumkan bahawa Yang Berhormat Dato' Haji Azmi Bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Johor bersama-sama tiga (3) orang Pegawai Tadbir Negeri Johor sedang melanjutkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah Pentadbiran dan Pembangunan Tanah di Fakulti Alam Bina dan Ukur UTM. Sesungguhnya, ia menjadi motivasi dan pencetus semangat kepada semua penjawat awam untuk mempromosi pembelajaran sepanjang hayat.
- iv. Selain itu, seramai 25 orang pegawai yang terdiri daripada Pegawai Tadbir Negeri Johor, Pegawai Hal Ehwal Islam, pegawai Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) dan PBT juga sedang mengikuti pengajian Sarjana Kaunseling dengan kerjasama Universiti Utara Malaysia (UUM) yang dijangka akan tamat pada tahun 2021. Selanjutnya, kerajaan negeri bercadang untuk melantik pegawai-pegawai ini sebagai Kaunselor Berdaftar untuk memberikan perkhidmatan kaunseling secara profesional kepada penjawat awam di Negeri Johor.
- v. Sementara itu, bagi meningkatkan tahap kecekapan sistem penyampaian kerajaan kepada rakyat, kerajaan negeri akan bekerjasama dengan beberapa buah universiti awam bagi program peningkatan kompetensi pegawai dan kakitangan di bawah skim teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di peringkat sijil.

237. Selain itu, kerajaan negeri melalui Pentadbiran Tanah Johor telah bersetuju dengan pelaksanaan inisiatif *Approval Over Submission* (AOS) **(dengan izin) Bagi Permohonan Ubahsyarat** dilaksanakan di mana permohonan ubahsyarat daripada tiada / pertanian (pokok) kepada pertanian (pokok) yang menepati syarat-syarat yang ditetapkan akan diluluskan dalam tempoh **satu (1) hari**.
238. Selain memudahkan pemilik-pemilik tanah, pelaksanaan AOS ubahsyarat ini juga adalah sebahagian daripada program pemutihan tanah-tanah yang telah ditanam dengan kelapa sawit, tetapi syarat nyata di dalam dokumen hakmilik adalah tiada / pertanian selain kelapa sawit yang boleh menjejaskan proses pensijilan *Malaysian Sustainability Palm Oil* (MPSO) yang sedang giat dilaksanakan oleh *Malaysia Palm Oil Board* (MPOB)
239. Sebagaimana semua sedia maklum, PBT Pengerang akan dinaiktaraf sebagai Majlis Perbandaran Pengerang pada tahun 2020. Selain terdapat perancangan untuk menjadikan PBT Pengerang sebagai zon bandar pintar (smart city), pada ketika ini, pihak kerajaan juga sedang di dalam perancangan untuk menaiktaraf Majlis Perbandaran Pasir Gudang kepada status Majlis Bandaraya Pasir Gudang. Semoga dengan usaha ini akan terus memacu Negeri Johor ke arah negeri berprestasi tinggi.
240. Bagi menuju ke arah PBT berprestasi tinggi, kesemua PBT di Negeri Johor telah menubuhkan Unit Tindakan Khas di bawah Pelan Tindakan PBT yang akan memperkasakan peranan dan fungsi unit ini di dalam menangani aduan awam dan seterusnya melaksanakan kerja-kerja

kawalan kebersihan di tempat awam secara lebih cekap dan efektif bagi memenuhi keperluan masyarakat setempat.

241. Pengiktirafan jabatan dan agensi melalui pengurusan kewangan cemerlang (Indeks Akauntabiliti) akan diteruskan bagi memperkasa tadbir urus kewangan jabatan dan agensi kerajaan. Oleh itu, bermula tahun 2020, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor (Unit Audit Dalam) akan melaksanakan **TAHAP PENARAFAN INDEKS AKAUNTABILITI** ke atas jabatan-jabatan negeri.
242. Kerajaan negeri juga amat menghargai dan berbangga terhadap pelbagai pencapaian dan pengiktirafan yang telah diperolehi oleh jabatan dan agensi sepanjang tahun 2019. Antara pencapaian tersebut adalah:
- i. **Anugerah Green World Award** oleh Majlis Perbandaran Pasir Gudang.
 - ii. **Anugerah Green World Award for Beautiful Building** oleh Majlis Daerah Simpang Renggam.
 - iii. **The Malaysia Book of Record - The First Local Authority Use Augmented Reality Mural** oleh Majlis Perbandaran Muar.
 - iv. **Anugerah Emas bersempena konvensyen Mini Team Excellence 2019** Wilayah Selatan oleh Pejabat Tanah Daerah Kluang.
 - v. **Anugerah Bandar Mampan Terbaik 2018** oleh PBT Pengerang.
243. Sebagai inisiatif mengukuhkan lagi institusi kekeluargaan, maka kerajaan negeri menerusi Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim (YPKDT) memperuntukkan sebanyak **RM800 ribu** untuk **MEMBINA**

DAN MEMBAIK PULIH DUA (2) TASKA iaitu di Bangunan Kuarters Kerajaan Jalan Tajul, Kota Tinggi dan Taska YPKDT, Wisma Persekutuan, Johor Bahru.

244. Menyentuh kebajikan para penjawat awam yang berkhidmat di dalam pentadbiran agama pula, sejumlah **RM2.3 juta** telah diperuntukkan bagi **BAIKPULIH, NAIK TARAF DAN PENYELENGGARAAN** rumah-rumah dan kuarters kakitangan agama di seluruh Negeri Johor.
245. Bagi menambahbaik perkhidmatan guru Tadika Agama Johor (TAJ), kerajaan negeri akan melaksanakan **RASIONALISASI SKIM GURU TADIKA AGAMA JOHOR**. Skim ini akan ditambahbaik iaitu dari skim DB17 kepada Pembantu Hal Ehwal Islam gred S19. Skim ini akan melibatkan sebanyak 362 perjawatan yang melibatkan 304 orang penyandang dan tambahan 58 perjawatan baharu. Implikasi kewangan bagi skim ini pada tahun 2020 dianggarkan sebanyak **RM9.2 juta** berbanding **RM5.77 juta** pada tahun 201, dengan peningkatan sebanyak **RM3.43 juta**.
246. Pelarasan semula **ELAUN GURU KAFA** akan melibatkan seramai **240 orang guru** dengan elaun tambahan bulanan sebanyak **RM512** seorang. Selain itu, seramai **2,090 orang Guru KAFA** akan menerima elaun penuh sebanyak **RM1,412** sebulan mulai bulan Januari tahun 2020 dengan implikasi kewangan berjumlah **RM1.67 juta**. Semoga insentif ini akan merangsang semangat dan motivasi para Guru KAFA dalam mendidik generasi akan datang.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

247. Sebelum mengakhiri pembentangan Belanjawan Johor 2020 pada hari ini, saya ingin menjelaskan bahawa pembangunan Negeri Johor tidak akan dicapai sepertimana yang kita nikmati hari ini tanpa komitmen, dedikasi dan pengorbanan dalam kalangan penjawat awam Negeri Johor. Justeru, bagi menghargai jasa penjawat awam, kerajaan negeri bersetuju memberikan **BANTUAN KHAS KEWANGAN** yang akan dibayar sebanyak dua (2) kali iaitu sebelum akhir tahun 2019 dan juga sebelum sambutan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2020.
248. Bantuan khas kewangan ini turut dipanjangkan kepada kakitangan kerajaan negeri dan kakitangan awam persekutuan yang dibayar gaji oleh kerajaan negeri, selain juga akan dipanjangkan kepada semua Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor, Yang Berhormat Speaker Dewan Negeri Johor, Yang Berhormat Timbalan Speaker Dewan Negeri Johor, Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Negeri Johor, Yang Berhormat Ahli-Ahli Jumaah Majlis DiRaja Johor, Ahli-Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor (SPAJ), Guru-guru KAFKA, Petugas Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) dan Guru-guru Tadika Islam Johor (TAJ).
249. Bantuan khas kewangan sebanyak satu (1) bulan gaji atau minimum **RM2 ribu** ini melibatkan peruntukan kewangan sebanyak RM34.78 juta yang memberi manfaat kepada seramai 13,400 kakitangan awam.

PENUTUP BICARA

Yang Berhormat Tuan Speaker,

250. Bagi mengakhiri ucapan pembentangan belanjawan ini, saya ingin menyeru kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk di pihak pembangkang dan semua pemegang taruh untuk mengukuhkan muafakat, memberikan sokongan dan bekerjasama bagi membangunkan Negeri Johor yang makmur dan sejahtera. Atas dasar bekerja untuk rakyat secara berterusan, marilah kita membina naratif baharu demi kelangsungan masa depan anak-anak dan cucu-cucu kita dan rakyat Negeri Johor keseluruhannya. Sebagai pemimpin, tiada apa yang hendak kita tinggalkan sebagai suatu legasi melainkan menabur bakti demi memenuhi kesejahteraan rakyat, kemakmuran ekonomi negeri dan kelestarian alam sekitar.

251. Sehubungan itu, saya titipkan sebuah pantun:

**Dari Skudai hendak ke Segamat
Singgah di Yong Peng untuk berehat
Marilah kita kukuhkan muafakat
Agar hidup bertambah berkat.**

252. Akhirnya, marilah kita sama-sama berdoa agar negeri dan rakyat Johor terus beroleh kejayaan yang gemilang pada masa depan.

“Ya Allah, pelihara dan lindungi apalah kiranya akan rakyat dan negeri ini, semoga berada dalam keadaan selamat dan sejahtera, aman dan damai, hidup tenteram dan bahagia, menjalin muhibbah dan bersatu padu dalam menghadapi ujian dan cabaran. Kepada-Mu jualah Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima”.

Amin Ya Robbal Alamin.

Yang Berhormat Tuan Speaker,

Dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim.*

Saya mohon mencadangkan.

Wabillahi taufik wal hidayah,

Asssalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

dan Salam Sejahtera.

“Kepada Allah Berserah”

“Muafakat Itu Berkat”

Sekian terima kasih.